

Bergerak Lebih Pantas Untuk Capai Objektif

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah sempena Awal Tahun Hijrah 1430 yang disiarkan secara langsung melalui Radio dan Televisyen Brunei (RTB) pada 1 Muharram 1430 bersamaan dengan 28 Disember 2008.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah negara wajar bergerak lebih pantas untuk mencapai objektifnya. Seperti dalam bidang pertanian, negara perlu meningkat ke tahap peratus 'sara diri' yang lebih tinggi daripada yang ada masa ini, sejajar dengan pertumbuhan dan keperluan.

Tita baginda kita juga akan terus bergerak untuk meningkatkan taraf hidup, sesuai dengan matlamat mencapai tahap kemiskinan sifar.

Dari sudut ugama, titah baginda manakala terdapat keadaan yang menggalakkan, maka kemiskinan di kalangan umat Islam tidaklah sukar untuk di atasi.

Baginda bertitah demikian sempena Awal Tahun Hijrah 1430 yang

Miliki Sifat Kasih Sayang,
Bertolong-tolongan

5

Kebawah DYMM dan
Kerabat Diraja Sempurnakan Ibadah
Korban Sunat

6

Yoga

12

Negara Zikir

16

Taubat Dan Keinsafan
Ka'ab Ibnu Malik

22

Nusyuz:
Isteri Menjauhkan Diri

27

Elimination of Dogs
(Part I)

29

Suratberita ini mengandungi ayat-ayat al-Qur'an dan hadits-hadits Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Jagalah ia dengan sempurna.

disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei (RTB) pada 1 Muharram, 1430 bersamaan dengan 28 Disember, 2008.

(Bersambung ke muka surat 3)

عبادة قربان



تاھون ۱۲ بیلانغن ۴ شوال ۱۴۲۹ھ - محرم ۱۴۳۰ھ / اوتکوبر - دسیمبر ۲۰۰۸م

سماعت منونیکن عبادة قربان دموسیم هاري راي حاج سمکین برسمارق دنکارا بروني دارالسلام، دغن فیمفینن ملالوئي تلادن یغ دتجووکن اوله کباوه دولي یغمها مليا فادک سري بکندا سلطان دان یغدفرتوان نکارا بروني دارالسلام.

کیفیه عبادة قربان دسمفرناکن، ملیقوتي نیه، فمیلیهن بناتغ یغ سمفرنا، عقد دان فیمفیان فیمبلیهن، ترماسوقله عمالن کبیاسان، یأیت مُصَحِّي بروکیل دالم فغوروسن عبادة قربان تادي. فغاکیهن داکیغ فول فرلو دهالوسي.

اوروسن فغاکیهن داکیغ قربان تیدق بوله دجوایکن، اکر مُصَحِّي تیدق ترهوتغ سبایق 1/3 درفد داکیغ قربانن جک تیدق سمفی کفد فقیر مسکین. الهدف مهوروت عمالن فغوروسن مجلس تاهونن عبادة قربان جباتن مفتی کراجان برسام شریکه فرباغن دراج بروني، دمان فقیر مسکین دلوکاسی ترتتو دکنل فسئی، لالو دجمقوت کمجلس یغ اکن داداکن، کمدین داغکوت حاضیر سمبیل دلاین دغن بایک. مجلس بنر ۲ مروفاکن مجلس عبادة قربان. عقد، فیمبلیهن دان فغاکیهن داکیغ قربان کفد فقیر مسکین ایاله اجاران.

سام فنتیغ، جاعن کیت لوفای ایاله فرسفن روح عبادة قربان کدالم دیری مُصَحِّي سفای جهیا عقیده دان شریعه ترفنجر ستیف لحظه قد کلیمه دان لغکه. مک تربتوقله کارقتیرستیک مؤمن یغ سنتیاس انصاف فسره کفد توهنن، سنتیاس غیره ملغکه قد جالنن سنتیاس سبای دغن کوالیتی، اخلاص دان تیدق مالس.

عبادة یغ لاین مستی جوک بکتیو. سمبیهغ اومقامن، جاعن دبوات سمبیل لیوا سهاج تنفا مندافت اف ۲، تنافی هندقله دغن رکوع دان سجود یغ برکوالیتی، فهالا ترجمین دان عبادة دتریمایله. سموان کران کانصافن یغ ساییسی دغن فریادی. مأنسی یغ شریعه دان روح عبادتن سمفرنا اداله مأنسی کوالیتی، جاوه درفد کموغکرن دان فمغ یغ حقیقی - منع ددنیا دان برجای داخرة.

SIDANG
PENGARANG

KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari
bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah,
Pengarang Pentadbiran.

PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin
Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Awang Haji Duraman bin Haji Kula
Awang Haji Mas Reduan bin Haji Jumat
Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak
Dayang Hajah Safiyah binti Haji Tuah
Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal
Pg. Ibrahim bin Pg. Haji Bakar
Haji Ibrahim bin Haji Sapar
Haji Abu Qasim bin Haji Ismail
Awang Osman bin Awang Abu Bakar

URUSAN
FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar
Haji Abu Qasim bin Haji Ismail
Awang Osman bin Awang Abu Bakar

PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Bahagian Penerbitan dan Penerangan,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih
atas ihsan Foto
kepada:*

*Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam*

Berangkat Ke Sambutan Awal Tahun Hijrah 1430 Peringkat Negara

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1430 Peringkat Negara pada 1 Muharram, 1430 bersamaan 28 Disember, 2008 yang lalu bertempat di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan anakanda-anakanda

(Bersambung ke muka surat 4)

(Dari muka surat 1)

Baginda seterusnya bertitah sekiranya umat Islam berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan, maka bermakna inilah hijrah yang paling bersejarah untuk mereka.

Titah baginda orang Islam mestilah lurus dalam pegangannya, untuk mendapatkan natijah terbaik dalam kehidupan.

Jika pegangan tidak lurus, titah baginda walaupun niat baik, kita tidak mungkin, untuk menghasilkan sebarang natijah yang terbaik itu.

Sesuai dengan semangat hijrah, baginda bertitah menyeru semua orang, terutama para pemimpin dan pembantu-pembantu mereka, perlu lebih peka dengan perkembangan semasa, sama ada yang bersangkutan dengan tugas harian masing-masing mahupun yang lebih besar daripadanya.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan putera-putera baginda berkenan bergambar bersama penerima-penerima Anugerah Jasawan Ugama dan Bakti Hijrah.

Titah baginda, jika ada perkara yang perlu ditangani dengan segera, mengapakah tidak ditangani? Begitu juga, jika ada peluang untuk membuat perubahan, mengapakan tidak dibuat, ia boleh mendatangkan banyak kebaikan.

Menurut baginda, inilah caranya kita melayani tahun baru, Ia bukan saja untuk menanam azam, tetapi yang lebih penting melaksanakan azam. Jika pada tahun lalu kita melihat kerosakan, pada tahun ini, tahun baru, kita mesti menyaksikan pembaikan.

Titah baginda, adalah tidak wajar melambat-lambatkan perubahan, walau perubahan itu sangat perlu untuk dilakukan.

Kerugian, titah baginda bukan saja dialami oleh siapa yang menahan-nahan perubahan, malahan juga oleh

orang lain yang memang berhak untuk menerima perubahan itu.

“Lebih-lebih lagi jika perubahan itu bersifat membetulkan kesilapan atau kesalahan, maka sudah barang tentu ia wajib pula dilakukan dengan sesegera mungkin.

“Ini juga boleh dianggap sebagai peka terhadap perkembangan, iaitu tidak membiarkan kesilapan terus berlarutan” tegas baginda.


Baginda bertitah, *attitude* seperti inilah yang diperlukan oleh masyarakat membangun, di mana kita adalah sebahagian daripadanya.

Di sinilah, tegas baginda sepatutnya azam tahun baru bermula dan bertolak.

(Dari muka surat 3)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan putera-putera baginda berkenan sama-sama membaca do'a akhir tahun dipimpin oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.



Di akhir majlis do'a selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Jasawan Ugama Tahun 1430 Hijriah kepada Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

baginda di perkarangan Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1430 Hijriah.

Acara dimulakan dengan bacaan Do'a Akhir Tahun dipimpin oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Othman diikuti dengan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim yang kemudian memimpin bacaan Do'a Awal Tahun.

Acara diteruskan dengan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1430 Peringkat Negara. Acara kemuncak majlis ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan

menyempurnakan pengurniaan Anugerah Tokoh Ugama/Jasawan Ugama dan Bakti Hijrah.

Tiga penerima Anugerah Tokoh Ugama/Jasawan Ugama Tahun 1430 Hijriyah ialah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

Sementara itu dua penerima Anugerah Bakti Hijrah ialah Awang Haji Abdul Kadir bin Awang dan Awang Haji Tahir bin Jaafar.

Bagi memberkati majlis, do'a selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned disusuli dengan sembahyang fardhu Isya' berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Miliki Sifat Kasih Sayang, Bertolong-tolongan

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena 'Idul Adha Tahun 1429/2008 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa berhadapan dengan kebesaran dan kekayaan Allah, kita semua adalah kerdil dan miskin. Siapa saja yang bernama makhluk adalah miskin. Hanya Allah jua Yang Maha Kaya.

Selaku hamba yang kerdil lagi miskin, titah baginda kita semua perlu memiliki sifat kasih sayang sesama kita sendiri, sambil bertolong-tolongan secara timbal balik. Yang tua menyayangi yang muda, yang muda mengasihi yang tua. Yang lebih kuat menolong yang lemah, yang lemah pula membalasnya, walau dengan do'a.

“Inilah prinsip Islam, khasnya yang berkaitan dengan komuniti sosial dan kehidupan,” titah baginda.

Kerana itulah, titah baginda Islam

itu dinamakan agama rahmat, sebab, daripadanya tumbuh simpati dan mencurahkan ihsan. Sehingga, kalau ada seseorang yang makan kenyang sedang jirannya lapar, maka Islam adalah mengutuknya.

Baginda bertitah demikian ke seluruh negara sempena Hari Raya 'Idul Adha Tahun 1429 Hijriah/2008 Masihi yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 10 Zulhijjah 1429 bersamaan 8 Disember, 2008.

Menurut baginda lagi, Allah memang Maha Kaya. Di tengah-tengah krisis kewangan global yang melanda masyarakat antarabangsa pada ketika ini, umat Islam masih saja mampu untuk menyahut panggilan Ilahi ke Tanah Suci dengan penuh semangat, seperti mereka tidak merasakan langsung sebarang kesan dari krisis yang merungsingkan ini.

“Begitulah, Allah merahmati para hambaNya yang ta'at, dengan rezeki mereka yang menakjubkan. Sepatutnya, operasi haji itu boleh saja terganggu, sekurang-kurangnya untuk sementara waktu disebabkan krisis yang dahsyat ini. Tetapi kenyataannya tidak! Kerana rezeki itu adalah di tangan Allah, tidak siapa yang boleh menahannya kalau Dia memberi,” titah baginda.

Kerana itu, jelas baginda lagi jangan takut, jika itulah perintah Allah, maka kewajipan kita ialah melakukannya. Seperti juga suruhan berzakat, jangan ingkar dan jangan tahan zakat kerana takutkan habis. Kalau inilah yang dikehendaki oleh Allah, maka apa perlunya lagi takut? Lebih-lebih lagi Allah sendiri juga sudah menjamin untuk menambahnya.

Berbalik lagi kepada prinsip Islam dalam mengurus kehidupan sosial, baginda bertitah pada Hari Raya 'Idul Adha ini, umat Islam digalakkan

berkorban.

Pada setiap tahun, jelas baginda semakin ramai umat Islam berkorban, iaitu suatu tanda menggalakkan bagi kebaikan dunia dan akhirat kita.

Cuma, titah baginda ada sedikit pemikiran, iaitu adakah pengagihan daging-daging korban itu sudah benar-benar menepati sasaran? Maksud baginda, yang utama diutamakan, sementara yang kurang utama tidak pula diabaikan.

Walaupun hukum syara' turut membenarkan pengagihan daging korban kepada orang kaya seperti juga kepada fakir miskin, namun pada hemat baginda, keutamaan adalah lebih wajar difokus kepada fakir miskin.

Sehubungan dengan itu juga, baginda khuatir, ada di antara fakir miskin itu yang mungkin tercicir dalam pembahagian, disebabkan misalnya, mereka jauh terpencil, atau tidak mempunyai kemudahan untuk menerima bahagian mereka, sedangkan orang yang kaya atau orang senang lebih mudah mendapatkan bahagian di majlis-majlis korban yang mereka hadiri sendiri.

“Mengapa perkara ini beta timbulkan? Kerana kita ingin melihat masyarakat berlaku adil kepada orang-orang dha'if yang lebih memerlukan. Manakala mereka ini dilayan dengan adil, sudah barang tentu akan menambahkan lagi keberkatan kepada orang-orang yang berkorban dan malah juga negara.

“Apabila beta katakan demikian, bukanlah bererti beta melarang orang-orang kaya dan senang dari mendapat bahagian mereka. Cuma secara wajarnya, orang-orang susah dan dha'if itu perlu mendapat perhatian yang lebih khusus dan adil,” titah baginda.

Kebawah DYMM dan Kerabat Diraja Sempurnakan Ibadat Korban Sunat

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Ibadah Korban Sunat baginda dan kerabat baginda sempena Hari Raya 'Idul Adha bagi tahun 1429 Hijriah bertempat di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Bandar Seri Begawan pada 10 Zulhijjah 1429 bersamaan 8 Disember 2008 yang lalu selepas sembahyang sunat Hari Raya 'Idul Adha.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat-kerabat diraja di perkarangan Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1429 Hijriah berserta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Majlis pada hari tersebut dimulakan dengan bacaan Surah al-Fatihah diketuai oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang juga telah membacakan doa selamat di akhir majlis.

Pada tahun ini, sebanyak 14 ekor



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan daging-daging korban kepada salah seorang penerima yang terpilih dari Daerah Brunei dan Muara.

kambing dan 46 ekor sapi dikorbankan di Majlis Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda.

Pada pagi tersebut, sejumlah tujuh ekor kambing telah disempurnakan penyembelihannya dan disaksikan sendiri oleh baginda bersama anakanda-anakanda baginda manakala penyembelihan binatang-binatang korban yang selebihnya disempurnakan di Pusat Penyembelihan Mulaut Abattoir Sendirian Berhad.

Di majlis tersebut baginda seterusnya berkenan mengurniakan daging-daging korban kepada seramai 20 orang fakir miskin yang terpilih dari Daerah

Brunei dan Muara dan daging-daging korban selebihnya diserahkan di majlis penyerahan yang diadakan di keempat-empat daerah dan diagih-agihkan kepada sejumlah 3,807 orang fakir miskin iaitu 2,216 orang dari Daerah Brunei dan Muara, 578 orang dari Daerah tutong, 775 orang dari Daerah Belait dan 238 orang penerima dari Daerah Temburong.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan Ibadah Korban Sunat baginda dan kerabat baginda kepada seorang asnaf penerima.

Puasa Ujian Getir, Perlukan Ketabahan dan Keyakinan

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah ke seluruh negara sempena 'Idul Fitri Tahun 1429/2008 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei. 'Idul Fitri pada tahun ini jatuh pada 2 Oktober 2008.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa tidak diragukan lagi ibadat puasa adalah ujian paling getir bagi setiap individu Muslim dan memerlukan ketabahan dan keyakinan. Barang siapa yang tabah dan yakin, dialah yang akan berjaya.

Bagi orang yang tahu rahsia puasa, berat dan getir itu tidak lagi menjadi rintangan, lebih-lebih lagi kalau orang tahu, bahawa menurut sebuah hadits, syurga adalah bergembira dan berhias kerana kedatangan Ramadhan.

Baginda bertitah demikian ke seluruh negara sempena 'Idul Fitri Tahun 1429/2008 yang disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei.

Baginda bertitah, Allah Ta'ala juga berseru pada setiap malam di bulan Ramadhan: *Adakah sesiapa yang meminta? Aku akan beri dia. Adakah sesiapa yang bertaubat? Aku akan terima taubatnya.*

Ini semua, titah baginda menjadi alamat betapa mulia dan berkatnya bulan Ramadhan itu.

Di dalam bulan ini juga, titah baginda terdapat satu malam, dinamakan Malam Qadar, atau dalam bahasa al-Qur'an: Lailatulqadar. Amalan pada malam ini adalah lebih baik daripada amalan seribu bulan yang dibuat pada bukan Malam Qadar.

Orang-orang Islam, titah baginda semua mengharapkan Lailatulqadar. Kita di Brunei juga tidak terkecuali. Kita, telahpun menghidupkan malam-malam Ramadhan

dengan al-Qur'an dan tarawih.

Baginda seterusnya bertitah bahawa Hari Raya juga hendaklah turut diisi dengan ibadat, bukannya dengan hanya suka-suka kosong atau hiburan-hiburan yang melelekan.

“Berkata ulama ahli hikmah: Hari Raya itu mengandungi *i'tibar* dan pengajaran, di antaranya, apabila berlalu Ramadhan dan menjelang Syawal, adalah itu umpama seorang yang apabila mati, akan pergilah dunianya dan datang pula akhirnya. Apabila mendengar bedil serta sorak-sorai di Hari Raya, maka janganlah lupa, bahawa sentiasalah ingat akan tiupan sangkakala Israfil di Hari Kiamat kelak.

“Demikian, semua hari-hari yang dilalui itu mengandungi hikmahnya yang tersendiri, lebih-lebih lagi hari-hari yang disyari'atkan, seperti Hari Raya, Hari 'Arafah dan lain-lain.

“Kita janganlah mengabaikan hikmah-hikmah itu, kerana ianya membawa kebaikan yang bukan sedikit, sama ada kebaikan untuk dunia, mahupun lebih-lebih lagi kebaikan di akhirat,” titah baginda.

Oleh itu, titah baginda di dalam perkara Hari Raya, di samping tidak mencuaikan ibadat, kita juga dituntut supaya jangan menjerumuskan diri kepada perkara-perkara sia-sia yang menyalahi ugama, seperti pesta-pesta serta hiburan-hiburan yang tidak bermoral, pembaziran dan seumpamanya.

TUJUH PULUH SATU ASNAF FAKIR MISKIN TERIMA DAGING KORBAN

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Seramai 71 orang asnaf fakir miskin dari Mukim Gadong B, Bandar Seri Begawan telah menerima daging korban daripada Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dalam Majlis Ibadah Korban anjuran bersama kedua-dua institusi.

Majlis berlangsung di Pusat Latihan Penerbangan Diraja Brunei, Berakas pada 13 Zulhijjah, 1429 bersamaan 11 Disember, 2008.

Kesepakatan di antara kedua-dua institusi ini telah berlangsung selama hampir sepuluh tahun. Pada tahun ini sebanyak 4 ekor kerbau, 2 ekor lembu dan 3 ekor kambing disembelih untuk dijadikan ibadah korban. Dua ekor daripada kambing tersebut telah disembelih secara langsung di majlis berkenaan.

Hadir di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan; ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai



Di antara yang hadir ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan; ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

pegawai dari kedua-dua institusi.

Penyampaian daging-daging korban kepada asnaf fakir miskin disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Asnaf fakir miskin tersebut diperolehi

daripada senarai asnaf yang disediakan oleh Majlis Ugama Islam. Hasil dari pemilihan yang telah dibuat, pihak Jawatankuasa Khas Majlis telah berkunjung ke tempat mereka yang terpilih bagi tujuan ziarah seterusnya menjemput mereka hadir dengan menyediakan kenderaan khas untuk membawa mereka ke majlis tersebut.



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika mengagih-agihkan daging korban kepada asnaf fakir miskin.



Majlis Ibadah Korban pada hari tersebut turut diserikan dengan persembahan Tausyih Selawat Ibrahimiah gabungan pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Buku Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Mengenai Haji dan Umrah 1964 - 2005 Dilancarkan

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam bersama Darussalam Holdings Sendirian Berhad mengadakan Majlis Pelancaran Buku Haji & Umrah pada 15 Syawal 1429 bersamaan 16 Oktober, 2008 bertempat di Dewan Bankuet, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jabatan Perdana Menteri.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya melancarkan buku tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Sayed Haji Jaafari, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Ketua Hakim Syar'ie; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohidin, Timbalan Mufti Kerajaan; Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah

Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Darussalam Holdings Sendirian Berhad, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pegawai-pegawai kanan Darussalam Holdings Sendirian Berhad.

Majlis pada hari tersebut turut diserikan dengan persembahan Tausyeh Selawat Ibrahim gabungan pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan dan pegawai-pegawai Darussalam Holdings Sendirian Berhad. Terdahulu sebelum itu, kupasan dan analisa buku yang dilancarkan telah disampaikan dalam Bicara Buku oleh Prof. Madya Dr. Iik Ariffin Mansurnor dari Universiti Brunei Darussalam.

Buku Haji dan Umrah yang dilancarkan itu adalah himpunan Fatwa Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam yang difatwakan dari tahun 1964 hingga 2005 berkaitan dengan masalah ibadah haji dan umrah. Sebanyak lebih 80 fatwa dimuatkan di dalam buku ini. Fatwa-fatwa tersebut difatwakan oleh Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan

dari 1962 hingga 1993 dan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan sekarang.

Selain menjawab berbagai persoalan jemaah haji, ia juga memberi jawapan kepada berbagai masalah yang dihadapi oleh para pegawai dan golongan yang bertugas mentadbir dan menyelaras segala urusan jemaah haji negara ini di Tanah Suci. Buku ini disifatkan salah satu bahan yang amat berguna dan bermanfaat sebagai rujukan bagi mendapatkan jawapan berbagai masalah dan persoalan yang dihadapi oleh para jemaah haji dan umrah negara ini.

Buku setebal 294 muka surat ini diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dan kos penerbitannya dibiayai sepenuhnya oleh Darussalam Holdings Sendirian Berhad. Buku ini dijual dengan harga B\$ 10.00 senaskhah dan pada hari ini (hari pelancaran) dijual pada harga potongan dua puluh peratus iaitu B\$ 8.00 senaskhah.



Salah seorang jemputan mengambil kesempatan memohon Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan menandatangani buku yang dilancarkan.



Setelah majlis pelancaran, para jemputan berkesempatan menyaksikan mini pameran daripada Darussalam Holdings Sendirian Berhad dan Jabatan Mufti Kerajaan.

Setiap Buku Mempunyai Nilai dan Manfaat

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika berucap sebelum melancarkan buku HAJI & UMRAH: Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Mengenai Haji dan Umrah 1964 – 2005.

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan berkata mana-mana buku agama, termasuk buku-buku panduan dan pelengkap tetap mempunyai nilai dan manfaat kerana ilmu dalam pandangan Islam adalah baik dan terpuji dan yang

tidak baik hanyalah apabila ia digunakan kepada yang tidak baik.

Menurutnya, dari sudut berkat antara satu buku dengan buku yang lain adalah tidak sama dan masing-masing mempunyai keberkatan dan keistimewaannya yang tersendiri.

Yang Berhormat Pehin berkata demikian ketika berucap melancarkan buku HAJI & UMRAH: Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Mengenai Haji dan Umrah 1964 – 2005 pada 15 Syawal, 1429 bersamaan 16 Oktober, 2008 bertempat di Dewan Bankuet, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pehin seterusnya menjelaskan bahawa perkara berkat adalah perkara rohani, *maddahnya* tidak dapat dilihat.

“Seperkara yang patut kita renungkan dalam soal penulisan ilmu yang berkat ini ialah wujudnya perkara-perkara yang mengandungi nilai ukhrawi di dalamnya, seperti tidak mengabaikan tulisan *basmalah*, *hamdalah*, tulisan do‘a dengan lengkap dan lain-lain. Selain itu ia juga

berkaitan dengan siapa penulisnya dan setakat mana keikhlasan orang itu ketika menulis,” jelas Yang Berhormat Pehin.

Di samping perkara tersebut, Yang Berhormat Pehin di dalam ucapannya turut mengingatkan Bahagian Penerbitan Jabatan Mufti Kerajaan supaya mengambil ingatan yang mendalam berhubung tujuan Jabatan Mufti Kerajaan menerbitkan buku iaitu semata-mata untuk menyebarkan ilmu, serentak dengan menghidupkan Islam kerana hidupnya Islam itu adalah dengan hidupnya ilmu, sementara tiang iman dan agama juga adalah ilmu.

Untuk mencapai kemurnian tujuan ini, Yang Berhormat Pehin menyeru supaya semua penerbitan jabatan ini dipastikan mengandungi perkara-perkara yang mempunyai nilai ukhrawi.

“Maka dengan ini, *insyā’* Allah, kita akan mempunyai penerbitan buku-buku yang berkat yang boleh diharapkan untuk menyumbang menghidupkan Islam,” tegas Yang Berhormat Pehin mengakhiri ucapan.

JMK ADAKAN PROGRAM IRSYAD HUKUM KE DAERAH BRUNEI MUARA

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Program Irsyad Ke Daerah Brunei dan Muara dan ditumpukan di Mukim Kota Batu.

Program bermula dengan ceramah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan pada 2 Zulhijjah 1429, bersamaan 29

November, 2008 bertempat di Masjid Kampong Serdang, Negara Brunei Darussalam.

Program kemudian diikuti dengan sesi Kuliah Subuh oleh pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan serentak pada 2 Zulhijjah, 1429 bersamaan 30 November, 2008 di tiga tempat yang berasingan iaitu di Masjid Kampong Pelambayan disampaikan oleh Awang Hairulazmi bin

Abdullah, Pegawai Istibat, di Masjid Kampong Belimbing, Subok disampaikan oleh Awang Haji Mohd. Sofian bin Awang Tengah, Pegawai Penyelidik, dan di Masjid Kampong Sungai Besar disampaikan oleh Awang Haji Hazimin bin Haji Ibrahim, Pegawai Fatwa Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan.



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika menyampaikan ceramah di Masjid Kampong Serdang, Negara Brunei Darussalam. Lebih 200 orang telah menghadiri sesi ceramah tersebut. (gambar kiri)



Suasana ketika sesi Kuliah Subuh diadakan di Masjid Kampong Pelambayan.

Bengkel Analisis Soal Selidik Menggunakan SPSS

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Bengkel Analisis Soal Selidik Menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) pada 18 hingga 20 Zulkaedah, 1429 bersamaan 17 hingga 19 November, 2008 bertempat di Syuura 3, Darulifta Brunei Darussalam.

Bengkel selama tiga hari itu dikendalikan oleh dua orang pakar dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Prof. Madya Dr. Idris bin Awang dan Encik Azizi bin Che Seman.

Bengkel tersebut bertujuan untuk membina kemahiran asas dalam membentuk soal selidik yang menepati objektif dan matlamat kajian, memberi pendedahan kepada peserta mengenai aplikasi SPSS dan

memberi pengalaman praktikal/*hands on* dalam proses pembentukan soal selidik, memasukkan data, memproses dan menganalisis data soal selidik menggunakan SPSS.

Seramai 60 orang peserta dari Jabatan Mufti Kerajaan, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Pusat Da'wah Islamiah, Mahkamah Syariah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah mengikuti bengkel berkenaan.

Bengkel diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para peserta oleh Yang



Turut hadir ketika bengkel dijalankan ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Mulia Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan.

Halaqah Pengurusan Tabung Amanah Pekerja

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Ifta' dan Bahagian Buhuts & Irsyad telah mengadakan halaqah bersama pakar iaitu Halaqah Mengenai Pengurusan Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Halaqah tersebut berlangsung di Syuura 3, Darulifta Brunei Darussalam pada 24 Syawal, 1429 bersamaan 25 Oktober, 2008.

Halaqah pada hari tersebut telah mengundang seorang pakar dari Badan Tabung Amanah Pekerja, Awang Irwandy bin Haji Lois, Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat, Tabung Amanah Pekerja, untuk menjelaskan tentang pengurusan TAP dan yang berkaitan dengannya.

Halaqah Bersama Pakar adalah salah satu aktiviti Jabatan Mufti Kerajaan bagi pembangunan pegawai-pegawai di Bahagian Ifta' dan Bahagian Buhuts & Irsyad bertujuan untuk menyediakan wahana kepada pegawai-pegawai di bahagian tersebut dengan maklumat dalam pelbagai bidang sebagai bahan yang akan digunakan dalam kerja-kerja istinbat dan penyelidikan hukum.

Sehingga kini, sebanyak dua belas



Awang Irwandy bin Haji Lois, Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat, Tabung Amanah Pekerja menjelaskan tentang pengurusan TAP dan yang berkaitan dengannya.

halaqah telah diadakan antaranya mengenai *bond/sukuk*, kredit Islam dan bioteknologi.

YOGA

(Siri Pertama)

Fatwa ini telah dikeluarkan lebih 20 tahun yang lalu (Fatwa Siri: 64/1984 bertarikh 7 Zulkaedah, 1404/4 Ogos, 1984) oleh Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang pertama.

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, melihat supaya fatwa ini disiarkan.

Soalan:

Kaola telah membaca dua macam kamus yang menerangkan tentang YOGA itu. Pertama dari KAMUS DWIBAHASA terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, muka surat 1454 dan 1455, dan kedua ENCYCLOPEDIA AMERICANA Vol. 29, muka surat 679 dan 680.

Dari KAMUS DWIBAHASA:

“YOGA – Suatu sistem gerak badan (dalam agama Hindu) untuk menghening-cipta, menenangkan fikiran dan lain-lain”.

Dari ENCYCLOPEDIA AMERICANA:

“ YOGA – Perkataan Sanskrit yang menunjukkan gabungan jiwa Hindu dengan roh yang tinggi (Supreme Spirit). Mempunyai beberapa aliran: Karma-Yoga untuk mencerdaskan fikiran; Jnana-Yoga untuk fikiran-fikiran filsafat, mengajar bagaimana untuk membezakan yang benar dengan salah; Bhakti-Yoga untuk fikiran-fikiran yang emosi bagi menanamkan kecintaan kepada tuhan tanpa menaruh harapan untuk menerima ganjaran atau takut akan seksaan; Hatha-Yoga untuk latihan-latihan jasmaniah yang berkaitan dengan kesihatan dan panjang umur. Yogi adalah gelaran kepada pengamal Yoga.

Yoga adalah satu daripada enam sistem falsafah Hindu. Ia bermula di Yogasturas dan diturunkan kepada Patanjali seorang cerdik yang terkenal dalam kurun ke-2 sebelum Masihi. (Menurut konsep ajaran Patanjali) bahawa tuhaninya bukanlah pencipta atau pemberi rahmat dan penghukum, tetapi hanyalah seorang yang istimewa yang tidak disentuh oleh ketamakan dan nafsu.

Disiplin-disiplin Yoga telah diterima oleh semua sekolah falsafah di India dan orang-orang Buddha dan Jaina.

Kaola percaya Pehin tentulah mempunyai lebih luas lagi maklumat mengenainya. Maka oleh itu, kaola pohonkan ulasan dan fatwa Pehin dari sudut pandangan agama Islam, adakah menyalahi ataupun tidak jika ia diamalkan oleh orang-orang Islam sendiri?

Bersama-sama ini kaola sertakan beberapa keping gambar yang kaola ambil dan gambarkan daripada buku yang bertajuk YOGA, TANTRA AND MEDITATION IN EVERYDAY LIFE yang menunjukkan cara amalan dan kelakuan orang Yoga itu.

Di atas ulasan dan fatwa Pehin demi untuk kepentingan orang-orang Islam di negara ini pada khususnya, kaola terlebih dahulu mengucapkan



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

setinggi-tinggi ucapan terima kasih, wassalam.

Adalah kaola dengan hormat, (Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Awang Haji ‘Abdul ‘Aziz Bin Juned).

Jawab:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الَّذِي
أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِالْإِسْلَامِ وَالْإِيمَانَ ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللَّهِ الَّذِي حَذَرْنَا
مِنَ الْكُفْرِ وَالْعِصْيَانِ ، وَآلِهِ
وَصَحْبِهِ وَتَابِعِيهِمْ مَدَى
الْأَوْقَاتِ وَالْأَزْمَانِ . اللَّهُمَّ
هِدَايَةَ لِلصَّوَابِ .

1.1 Bahawa Nabi *Shallallâhu 'alaihi wasallam* telah bersabda di dalam suatu hadits yang panjang berbunyi:

لَنْ تَقُومَ السَّاعَةَ حَتَّى تَلْحَقَ قَبَائِلُ
مِنَ أُمَّتِي بِالْمُشْرِكِينَ ، وَحَتَّى تَعْبُدَ
قَبَائِلُ مِنْ أُمَّتِي الْأَوْثَانَ

(رواه الحاكم)

Hadits ini diriwayatkan oleh al-Imam al-Hakim dalam Al-Mustadrak.

Maksudnya: Hari Kiamat tiada akan bangkit sehingga beberapa qabilah dan suku-suku kaum daripada umat saya menjadi orang musyrikin menyekutukan Allah Ta'ala, dan sehingga beberapa qabilah dan suku-suku kaum daripada umat saya menyembah berhala.

Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* dalam hadits ini mengingatkan umat Islam bahawa sebelum datang Hari Kiamat hari kemudian, maka beberapa kumpulan umat Islam balik menjadi kafir dan menyembah berhala dan menyekutukan Allah Ta'ala dengan makhluk.

1.2 Sabda Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* dalam hadits yang panjang berbunyi:

وَيُقَالُ لِلرَّجُلِ مَا أَعْقَلَهُ ، وَمَا
أَظْرَفَهُ ، وَمَا أَجْلَدَهُ ، وَمَا فِي
قَلْبِهِ حَبَّةٌ خَرْدَلٍ مِنْ إِيْمَانٍ .

(رواه البخاري ومسلم)

Hadits ini diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari dan Muslim daripada sahabat Huzaiifah *Radhiallâhu 'anh*.

Maksudnya: Seorang itu dikatakan amboi sangat bijak dan berakal

orang itu: Amboi sangat fasih pintar orang itu, Amboi sangat sabar dan berusaha orang itu, padahal dalam hati perutnya tiada ada sebesar biji sawi pun dari iman kepada Allah dan Hari Kiamat.

1.3 Diriwayatkan oleh Ibnu Wadzdah dalam al-Bida' dengan ringkas daripada sahabat Huzaiifah *Radhiallâhu 'anh* telah berkata :

Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* telah bercerita kepada kami dalam perkara amanah dari hati manusia sabda Baginda:

حَتَّى يُقَالَ إِنَّ فِي بَنِي فُلَانٍ
رَجُلًا أَمِينًا ، وَحَتَّى يُقَالَ لِلرَّجُلِ
مَا أَجْلَدَهُ ، وَمَا أَظْرَفَهُ ، وَمَا
فِي قَلْبِهِ حَبَّةٌ خَرْدَلٍ مِنْ إِيْمَانٍ .

(رواه ابن وَصَّاح)

Maksudnya: Sehingga orang berkata: Pada suku keluarga polan itu ada seorang amanah dipercayai, dan sehingga orang berkata: Sangat rajin dan sabar orang itu: Amboi sangat pintar orang itu bercakap: Padahal hatinya tiada ada sebesar biji sawi pun dari iman kepada Allah Ta'ala dan Hari Kiamat.

Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* memberitahu bahawa ada orang-orang zaman sekarang pandai bercakap dan berusaha bersungguh-sungguh dan bijak berakal orang sangka ada amanah dan ada iman, padahal sebenarnya dia orang khianat dan tiada beriman dan bukan Islam.

1.4 Diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari dalam *shahihnya* dari hadits sahabat Abu Amir atau Abu Malik al-Asy'ari bahawa Nabi *Shallallâhu 'alaihi wasallam* telah

bersabda :

لَيَكُونَنَّ فِي أُمَّتِي أَقْوَامٌ
يَسْتَحِلُّونَ الْحَرَ وَالْحَرِيرَ وَالْخَمْرَ
وَالْمَعَارِفَ .

(رواه البخاري)

Maksudnya: Demi akan ada pada umat saya beberapa golongan yang menghalalkan zina, menghalalkan memakai sutera, menghalalkan minuman arak dan alat-alat bunyian.

Zaman sekarang ada orang-orang menghalalkan perkara-perkara yang telah tsabit nyata dalam Islam akan haramnya atau nyata halalannya, maka ia ingkarkan haram yang nyata itu atau halal yang nyata yang tertera di dalam agama Islam itu, maka orang-orang itu orang telah murtad dan keluar dari Islam dan bukan orang-orang Islam hanya rupanya sahaja orang Islam.

Seseorang itu jika ia melanggar perkara-perkara yang sabit nyata haramnya dalam Islam tetapi ia tiada ingkarkan hukum haram perkara-perkara itu, maka orang itu orang *fâsiq* dan ia masih orang Islam sebab mengaku haram perkara itu dan cuma ia berani melanggar dan suka membuat dosa dalam perkara itu. Tetapi jika ia ingkarkan haram perkara itu maka ia telah menjadi murtad dan keluar dari Islam sebab telah mendustakan Allah dan Rasulullah yang mengatakan perkara itu haram dan ia mengatakan perkara haram itu suatu perkara yang halal. Maka orang yang membantah dengan mendustakan Allah dan Rasulullah, maka orang itu orang kafir seperti Firaun, Qarun, Abu Jahal dan lain-lain yang nyata dan terang-terang membantah dan mendustakan Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam*.

Ulama fiqh yakni ulama yang membahaskan perkara halal haram

telah membuat suatu fasal dalam kitab-kitab fiqh dan mereka menamakan Kitab ar-Riddah iaitu bahagian yang membahaskan perkara yang menyebabkan orang-orang Islam keluar dari Islam dan al-Imam as-Syafi'e dalam kitab Al-Umm telah membahaskan perkara orang-orang murtad dan memberi penerangan di atas erti perkataan *riddah* atau murtad itu. Sayugia diketahui bahawa al-Imam asy-Syafi'e itu ketua agung bagi ulama Syafi'eyyah yang mengasas mazhab asy-Syafi'e atau aliran mazhab asy-Syafi'e.

Maka orang Islam yang menghalalkan riba, zina, minum arak umpamanya maka orang itu telah menjadi murtad dan keluar Islam sebab perkara-perkara itu nyata benar dalam Islam tetapi jika dia suka makan riba, berzina dan minum arak dengan tiada menghalalkan tiap-tiap perkara itu maka dia masih orang Islam dan dia orang *fāsiq* derhaka kepada Allah Ta'ala.

Begitu juga jika orang Islam mendustakan Allah dan Rasulullah dengan berkata sembahyang itu tiada wajib, puasa tiada wajib, zakat tiada wajib, haji tiada wajib, wudhu' tiada wajib, sujud dalam sembahyang tiada wajib dan lain dari perkara yang terang telah disyara'kan Allah dan RasulNya dalam agama Islam, maka ia berkata tiada wajib atau tiada tsabit atau bohong atau karut atau ia senda-sendakan perkara yang terang tsabit itu maka orang itu orang murtad keluar dari Islam.

Jadi perkara mengkafirkan orang Islam telah disyara'kan dalam Islam apabila tsabit nyata dan terang kufur seseorang itu dan orang

Islam yang tiada mahu kufurkan orang yang telah tsabit kufurnya seperti Thalhaf, Musailamah dan al-'Ansi mereka mengaku menjadi nabi dan kawan-kawan mereka, dan orang-orang Quraisy yang telah mati dalam peperangan Badar dan dicampakkan bangkai-bangkai mereka dalam perigi. Maka orang yang tiada mahu mengkufurkan orang-orang itu, maka ia menjadi kafir kerana ia telah mendustakan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang mengatakan orang-orang yang mengaku menjadi nabi di zaman sehingga zaman Sayyidina Abu Bakar, dan orang Quraisy yang mati di Badar itu semuanya mereka itu orang kafir.

1.5 Berkata Abu Syu'aib al-Harrani dalam al-Fawa'id dengan *sanadnya* daripada sahabat 'Abdullah bin 'Amru bin al-'Ash berkata:

يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ يَحُجُّونَ
وَيُصَلُّونَ ، وَيَصُومُونَ ، وَمَا
فِيهِمْ مُؤْمِنٌ .

Ertinya: Akan datang kepada suatu zaman, mereka mengerjakan haji, sembahyang, berpuasa, padahal tiada seorang pun daripada mereka orang mukmin.

Begitu juga seperti *atsar* di atas ini diriwayatkan oleh Ibnu Wadzdah barang di jauhkan Allah Ta'ala kita daripada berjumpa dengan orang-orang kafir berupa orang Islam beribadat bersama-sama kita, sebab zaman ini banyak perkara yang meragukan yang menyebabkan boleh membawa murtad dan keluar dari Islam sebab banyak cakap, banyak tulisan-tulisan, banyak hasutan ke atas Islam yang dilemparkan orang

ke atas Islam.

اللَّهُمَّ يَا مُصَرِّفَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْنَا
وَأَهْلَنَا وَأَحْبَابَنَا عَلَى دِينِكَ .

1.6 Diriwayatkan oleh al-Imam ath-Thabarani dari hadits Sahl bin Sa'ad bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda :

سَيَكُونُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ خَسْفٌ
وَقَذْفٌ وَمَسْخٌ .

(رواه الطبراني)

Maksudnya: Akan ada pada akhir zaman sedutan bumi, lontaran azab dari langit, dan menukar rupa manusia kepada binatang.

Orang-orang bertanya, "Bila itu ya Rasulullah?" Bersabda Baginda:

إِذَا ظَهَرَتِ الْمَعَارِضُ وَالْقَيْنَاتُ
وَاسْتَحَلَّتِ الْخَمْرُ .

(رواه أبي الدنيا)

Maksudnya: Apabila nyata permainan alat-alat bunyi-bunyian, dan nyata penyanyi-penyanyi perempuan dan artis, dan apabila orang-orang menghalalkan arak bagi diminum.

Ini setengah-setengah yang kita bawa di sini dari hadits-hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang mengkhabarkan bahawa orang-orang Islam balik kufur dengan sebab mazhab-mazhab dan fikiran-fikiran dan hasutan daripada kaum-kaum yang bukan Islam dari Sosialisme dan Kapitalisme, Zionisme, Hindu dan Buddha dan lain-lain, dan orang-

orang Islam yang menghalalkan perkara-perkara yang tsabit nyata haramnya dalam Islam seperti arak, riba, zina, judi dan lain-lain lagi, dan orang Islam ingkarkan dan mendustakan perkara-perkara yang nyata dan terang adanya dalam Islam seperti wajib sembahyang, wajib haji, wajib mengikut persaudaraan Islam **إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ** wajib berwudhu', wajib menutup aurat, nikah halal, jual-beli halal, dan sebagainya.

Ini kita petik dari fatwa berturut bilangan 30 bahagian 4 dan 6 berkenaan dengan hadits yang menunjukkan tanda hampir Kiamat, dan setengah tanda-tanda itu nyata benar lepas peperangan dunia yang kedua (peperangan dunia yang kedua dari tahun 1939 hingga 1945 Masihi).

Darihal Agama Hindu

Berkata pendeta Perancis Miss Yu Gustap Lubun dalam kebudayaan India, telah dibukukannya pada tahun 1884 yakni 100 tahun hingga sekarang:

Segala agama Hindu memandang bahawa hidup manusia jahat dan celaka, dan kebendaan itu suatu pandangan yang buruk dan rendah bagi permulaan hidup manusia dan segala isi alam ini suatu rantai atau suatu utas tali yang sentiasa berubah, dan tuhan-tuhan mereka dan manusia itu suatu perkara yang batal dan tiada ada harga dan samaran belaka bagi menuju kepada suatu asal yang tinggi yang dinamakan Brahma.

Kepercayaan Hindu bagaimana tersebut dalam Kitab Wida tersusun begini:

1. Menyembah segala kekuatan alam ini.
2. Menjelma segala kekuatan itu dengan nama berbagai-bagai tuhan.
3. Percayakan roh itu kekal abadi.
4. Menyembah datuk nenek.
5. Asas agama Hindu itu ialah berbalas hadiah di antara manusia dengan tuhan iaitu manusia berdamping dengan membawa korban manusia dan korban binatang dan menghulurkan buah-buahan kepada tuhan-tuhan dan tuhan-tuhan itu mengurniakan pula membuat kemudahan hidup, hujan yang membawa berkat dan subur, kesejahteraan dan harta benda.

Agama Hindu Sekarang

Ada tiga tuhan disembah oleh orang Hindu, agama Hindu sekarang tersusun dari tiga tuhan Syiwa dan Wisynu, orang-orang Hindu menyembah kedua-duanya bersama juga menyembah Brahma yang bersifat tinggi itu.

Sungguhpun Brahma itu tuhan yang lebih kuat di antara tiga tuhan maka tiadalah ada penyembah yang tertentu daripada orang-orang Hindu akannya dan tiadalah ada bagi Brahma itu rumah berhala yang tertentu baginya.

Sebab jadi begitu, kerana agama pada orang-orang Hindu itu suatu gambaran kebendaan, dari itu banyak didapati di dalam rumah-rumah berhala gambar-gambar lukisan Syiwa dan penjelmaan Wisynu dengan berbagai-bagai rupa dan berbagai-bagai bentuk, yang tiada menunjukkan dengan nyata pada Brahma itu, tetapi sentiasalah Brahma itu dianggap memberi daya

hidup kepada sekalian makhluk. Dari itu orang-orang Hindu itu berminat sangat-sangat hidup fana dan menghabiskan hayat mereka pada menyembah Brahma itu.

Tiga tuhan itu ada mengambil bahagian dalam perkara alam dunia ini, maka Brahma pencipta alam, dan Wisynu menjaga alam. Dan Syiwa pembinasakan alam. Di dalam falsafah Hindu tiada ada mati yang betul hanya mati bayangan sahaja, maka binasa dan bertukar rupa itu sama ertinya dan satu makna, maka rupa alam ini bertukar-tukar dengan tiada berhenti-henti dengan tiada binasa unsur-unsurnya, maka Syiwa yang bekerja membuat perubahan alam itu maka oleh kerana Syiwa tuhan pembinasakan dan membuat perubahan maka orang-orang Hindu mengemukakan kepadanya korban berdarah dari binatang dan korban dari manusia, maka orang-orang Hindu berpendapat manusia itu tiada akan dapat sesuatu dari hakikat alam ini melainkan agak-agak dan *waham* sahaja yakni alam itu suatu bayangan dan khayal sahaja. Dan apa yang dirasakan oleh manusia dari benda-benda yang ada di dalam dunia ini, ialah suatu rantai dan tali perubahan dari satu keadaan ke satu keadaan dengan tiada berhenti dan tiada ada kesudahan dan dengan tiada ada permulaan baginya, dan dengan perubahan yang tiada berhenti-henti itu, orang-orang mati itu dibangkit dan hidup kemudian mati semula, tetapi mati dan bangkit dari mati itu suatu pandangan dan khayal dan bayangan bagi suatu benda yang ada, yang tiada diketahui akan hakikatnya yang sentiasa berubah rupanya.

NEGARA ZIKIR

“Kertas Perdana” Seminar Negara Zikir, Majlis Ilmu 2008 sempena Perayaan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-62 tahun oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ
وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ. وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَوَالِدِهِ، أَمَّا بَعْدُ.

Mengadap Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibnī Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Ampun Beribu Ampun, Hamba Duli Tuanku menjunjung kurnia perkenan untuk menyampaikan “Kertas Perdana” Seminar Majlis Ilmu sempena perayaan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Disembahkan, hamba Duli Tuanku telah diminta oleh Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2008 untuk menyampaikan kertas perdana ini dalam tajuk “Negara Zikir”.

Tajuk ini adalah bersumber langsung dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sempena Hari Raya ‘Aidiladha 1428. Di dalam titah tersebut baginda telah mengungkapkan satu azam suci untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah “Negara Zikir”.

Maka untuk itu, hamba Duli Tuanku sekali lagi menjunjung kurnia perkenan untuk hamba Duli Tuanku menunaikan hajat Jawatankuasa Pandu Seminar bagi menyampaikan kertas perdana di dalam majlis yang berkebajikan ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

“Zikir” adalah kalimat besar, kalimat agung, malah kalimat suci, kerana ia datang daripada Allah, diungkapkan langsung oleh al-Qur’an.

Ya, apakah terdapat yang lebih besar, lebih hebat dan lebih mulia daripada wahyu Allah, daripada ungkapan al-Qur’an? Tidak ada! Ya tidak ada yang boleh mengatasi wahyu Allah, mengatasi ungkapan al-Qur’an.

Kalimat “zikir” sangat banyak diungkap oleh al-Qur’an. Antaranya firman Allah *Subhānahu Wa Ta’ālā*:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي

الْأَلْبَابِ ﴿١٥٠﴾ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ

قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ

وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ

وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا

سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٥١﴾

(سورة ال عمران : ١٩٠-١٩١)

Tafsirnya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, terdapat (di sana) tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang berakal. (Iaitulah siapa) yang berzikir atau menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri, duduk dan berbaring, dan (sambil itu juga) mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (dan mereka berkata): “Wahai Tuhan kami, tidaklah Tuhan kami menciptakan semua ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau (Ya Allah), maka peliharalah kami dari azab api neraka.”

(Surah A-Li Imraan: 190-191)

Orang-orang yang berzikir itu di sini, telah disifatkan oleh Allah sebagai orang-orang yang berakal, ahli cerdik pandai

atau cendikiawan, maka lalu kerana itu, Allah pun menyuruh:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ.....

(سورة البقرة : ١٥٢)

Tafsirnya: Maka kerana itu, hendaklah kamu berzikir kepadaKu, hendaklah kamu mengingatiKu, nescaya Aku akan ingat (pula) kepada kamu....

(Surah al-Baqarah: 152)

Jadilah kamu, wahai insan! Orang-orang bijaksana yang kaya dengan zikir, di mana dengan itu, sudah pasti, kamu akan jadi orang-orang yang tidak pernah hilang dari mata dan hati Allah, kamulah kekasihNya, kamulah kesayangannya.

Allah, dalam sebuah hadits Qudsi riwayat al-Bukhari menegaskan:

مَنْ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ ، ذَكَرْتُهُ

فِي نَفْسِي ، وَمَنْ ذَكَرَنِي فِي

مَلَأَ ، ذَكَرْتُهُ فِي مَلَأَ خَيْرٍ مِنْهُمْ .

(رواه البخاري ومسلم)

Maksudnya: Barang siapa yang berzikir atau mengingatiKu dalam dirinya, Aku akan mengingatkannya dalam diriKu, dan barang siapa yang mengingatiKu dalam khalayak ramai, Aku akan mengingatkannya dalam khalayak yang lebih baik lagi dari mereka.

Lagi hadits Qudsi riwayat Abu Nu‘aim pula:

أَنَا جَلِيسُ مَنْ ذَكَرَنِي

(sila lihat al-Hiliyyah juz 5 dan Kanzu al-Ummal no. 1865).

Aku (firman Allah Ta‘ala) adalah teman duduk siapa yang berzikir mengingatiKu.

Ini dia, saudara! Gambaran orang-orang yang berzikir. Kedudukan mereka di sisi Allah adalah amat-amat hampir. Mereka, telah mendapat pengiktirafan Allah selaku orang-orang yang bijaksana lagi berakal. Malah, bukan itu sahaja, mereka juga telah menerima jaminan dan janji Allah untuk tidak dilupakannya.

Inilah yang ingin kita tuju. Inilah cita-cita kita untuk menjadi orang-orang tersayang di sisi Allah.

Apabila wujud orang-orang yang serupa ini di dalam sesebuah negara, maka

negara itu tidak syak lagi adalah “Negara Zikir”: Negara, di mana ramai orang berzikir; negara, yang sentiasa meriah dan kaya dengan zikir; negara, yang dibangun dan ditadbir dengan zikir; negara, yang dipertahan dan dipelihara dengan zikir.

“Negara Zikir” adalah negara yang berorientasi dan berpaksikan zikir: Siasahnya siasah zikir, ekonominya ekonomi zikir, sosialnya sosial zikir, dan pertahanannya pertahanan zikir.

Siasah, menurut definisinya, ialah ilmu yang berkaitan dengan hal ehwal kenegaraan, ilmu mengurus negara, mengurus rakyat, supaya negara itu tetap berada di landasannya yang baik dan rakyat pula berbahagia.

Kalau tuan namakan ia “Siasah Zikir”, maka tuan akan mendapatinya satu ilmu, satu sistem yang dipandu oleh hukum-hukum Allah, yang tidak boleh berlaku padanya sebarang pelanggaran terhadap hukum-hukum tersebut.

Apabila Sayyidina ‘Ali *Karramallāhu Wajhahu* menduduki kerusi khilafah, maka datang saudara lelakinya, ‘Uqail bin Abi Thalib dengan berkata: “Wahai ‘Ali, engkau sekarang telah menjadi pemerintah (khilafah) orang-orang Islam, maka tolong berikan kepadaku sedikit wang dari harta orang-orang Islam (Baitul Mal).”

Menjawab Sayyidina ‘Ali: “Wahai ‘Uqail, engkau datang malam nanti.”

Sementara menunggu malam, Sayyidina ‘Ali mengambil sepotong besi. Dibakarnya potongan besi itu sampai merah dan diletakkannya ke dalam bungkusan kain.

Apabila malam tiba, datanglah ‘Uqail dan berkata:

أَحْضَرْتَ الْمَالَ يَا عَلِيٌّ؟

“Adakah sudah engkau sediakan wang itu, wahai ‘Ali?”. Berkata ‘Ali:

يَا عُقَيْلُ! خُذْ هَذِهِ الصَّرَّةَ

“Wahai ‘Uqail! Ambillah bungkusan ini.”

‘Uqail pun mengambilnya dengan perasaan seronok dan suka. Tetapi sebaik-baik sahaja dipegangnya bungkusan itu, ‘Uqail terus rebah ke tanah dan pengsan, tangannya terbakar hangus. Manakala dia sedar semula, Sayyidina ‘Ali lalu berkata:

ثَكَلْتِكَ أُمُّكَ يَا عُقَيْلُ! إِذَا
كَانَتْ هَذِهِ حَالِكَ مِنْ نَارِ

الدُّنْيَا ، فَمَا أَفْعَلُ إِذَا جِئْتُ
مَعَكَ مُسَلِّسِينَ بِالْحَدِيدِ إِلَى
نَارِ جَهَنَّمَ . أَتُرِيدُ أَنْ تَأْخُذَ
شَيْئًا مِنْ مَالِ الْمُسْلِمِينَ؟

“Celaka engkau, wahai ‘Uqail! Kalau sudah begini keadaanmu dengan api dunia, maka apakah yang aku boleh buat nanti apabila aku bersama-samamu diseret dengan rantai besi ke Neraka Jahannam? Apa masih mahukah juga engkau mengambil harta orang-orang Islam?”

Nampak kita, saudara? Ini adalah satu contoh “Siasah Zikir” yang dipegang dan dilaksanakan dengan tegasnya oleh seorang Khalifah Islam ahli Syurga, Sayyidina ‘Ali *Karramallāhu Wajhahu*.

Ternyata ini, bukan siasah biasa. Bukan semata-mata siasah, tetapi adalah “Siasah Zikir”, siasah langit yang berpaksikan ingat kepada Allah, iaitu siapa yang berfirman:

يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ
وَالرُّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ

تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

(سورة الأنفال : ٢٧)

Tafsirnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (juga) mengkhianati amanah-amanah kamu (sendiri), sedang kamu mengetahui (akan salahnya perkara itu).

(Surah Al-Anfal: 27)

Inilah satu contoh “Siasah Zikir”. Siasah Zikir itu berperanan menutup segala pintu-pintu keburukan: Pintu rasuah, pintu penyelewengan, pintu kezaliman, pintu kronisme, pintu salahguna kuasa dan seumpamanya.

Para hadirin yang dihormati.

Mari kita terus melihat, apa pula “Ekonomi Zikir” dan sekaligus “Sosial Zikir”?

Di zaman pemerintahan Sayyidina ‘Umar Ibn al-Khattab *Radhiallāhu ‘anhu*, pernah terjadi kemarau panjang, sehingga hari-hari yang dilalui menjadi “Hari-hari Lapar” bagi seluruh rakyat. Sembilan bulan lamanya bumi kering kontang, dan tanaman serta haiwan juga turut mengalami kesukaran untuk hidup.

Di tengah-tengah krisis makanan yang amat dahsyat ini, Sayyidina ‘Umar pada suatu hari, telah memerintahkan supaya disembelih unta untuk memberi makan rakyat. Sebelum daging dibahagi-bahagikan, terlebih dahulu hati, isi dari bahagian bonggol unta dan isi manisnya dipisahkan untuk diberikan khas kepada Amirul Mu‘minin, Sayyidina ‘Umar Ibn al-Khaththab *Radhiallāhu ‘anhu*. Apabila tiga bahagian istimewa ini dibawa ke hadapan Amirul-Mu‘minin, beliau bertanya: “Apa ini?” Mereka menjelaskan: Ini adalah untuk Amirul-Mu‘minin, dari bahagian-bahagian yang terpilih: Hati, daging bonggol dan isi manis.

Mendengar itu ‘Umar bertanya:

أَكَلُّ الْمُسْلِمِينَ أَغْظَيْتُمُوهُمْ
هَكَذَا؟

“Adakah semua orang Islam kamu beri macam ini juga?”

Menjawab mereka: “Wahai Amirul Mu‘minin, tidak terdapat pada seekor unta itu melainkan hanya satu hati dan satu daging bonggol sahaja.”

Mendengar itu, kelihatan air mata ‘Umar menitis sambil beliau berkata:

احْضَرُوا لِي الْخُبْزَ وَالزَّيْتَ ،
احْضَرُوا لِي الْخُبْزَ وَالزَّيْتَ ،
وَرُدُّوا هَذَا الطَّعَامَ عَلَى فُقَرَاءِ
الْمُسْلِمِينَ ، فَبِئْسَ الْوَالِي أَنَا إِذَا
أَكَلْتُ أَطَائِيهَا وَكَبِدَهَا وَسَنَامَهَا ،
وَتَرَكْتُ الرَّعِيَّةَ تَأْكُلُ مِنْ عِظَامِهَا

“Bawa kepadaku roti dan minyak, bawa kepadaku roti dan minyak, dan pulangkan semua ini kepada fakir miskin orang-orang Islam. (Tahukah kamu) Akulah seorang pemerintah yang jahat sekiranya aku memakan isi manis, hati dan daging bonggol ini, sedang rakyat memakan dari sisa tulang.”

Sistem ekonomi apakah namanya ini, sistem sosial apakah namanya ini, kalau bukan sistem Ekonomi Zikir, kalau bukan sistem Sosial Zikir!

Sistem macam ini pasti tidak akan wujud, sekiranya hati-hati kita kosong dari mengenali Allah, sekiranya kepala-kepala kita kosong dari mengingati Allah. Lalu makanya, sistem ini boleh wujud

di zaman ‘Umar Ibnu al-Khatthab *Radhiallâhu ‘anhu*, ialah kerana di dalam hati ‘Umar itu sentiasa bertakhta Allah, di dalam hati setiap rakyat pada masa itu cukup-cukup mewah dan cukup-cukup kaya dengan *dzikrullah*.

Dalam ekonomi, ada sistem “Jual beli”. Kadang-kadang untung dan kadang-kadang rugi.

Pada suatu hari, Sayyidina ‘Ali *Karramâllahu Wajhahu* berhajat untuk menjual jilbabnya (bajunya). Tujuannya menjual itu ialah untuk membeli makanan bagi anak-anaknya: Hasan, Hussain, Zainab dan Ummu Kalthum. *Alhamdulillah*, beliau dapat menjualnya dengan harga 6 (enam) dirham. Lalu, dengan wang ini, beliau akan membeli makanan tersebut.

Tetapi, belum pun sempat membelinya, beliau telah didatangi oleh seorang lelaki miskin yang berkata:

يَا عَلِيَّ ، أَنَا مُحْتَاجٌ

“Wahai ‘Ali, saya orang berhajat.”

Lalu oleh Sayyidina ‘Ali, diunjuknya wang 6 dirham itu kesemuanya sekali kepada si miskin yang berhajat, sambil berkata:

عَلَيَّ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

“Aku serahkanlah perkaraku ini bulat-bulat kepada Allah.”

Sedang beliau berjalan pulang, tiba-tiba muncul seorang Arab kampung dengan bersama-samanya seekor unta. Orang itu berkata: “Wahai ‘Ali, adakah engkau ingin membeli unta ini?” Menjawab Sayyidina ‘Ali: “Saya tidak punya wang.” Berkata terus orang Arab: “Belilah! Nanti harganya engkau bayar kemudian. (Hutang).”

Sayyidina ‘Ali pun bertanya:

بِكَمْ تَبِيعُهَا ؟

“Berapa tuan akan menjualnya?”

Menjawab orang Arab: “Saya akan menjualnya dengan harga 100 dirham.”

Berkata Sayyidina ‘Ali:

مُؤَافِقٌ . وَاللَّهِ يُرَبِّحُكَ

“Saya bersetuju. Mudah-mudahan Allah memberikan keuntungan kepada tuan.”

Selepas itu Sayyidina ‘Ali pun berjalan balik dengan membawa unta yang dibelinya dengan cara berhutang itu. Di tengah jalan, beliau terserempak pula dengan seorang Arab lain. Orang Arab ini berkata: “Wahai ‘Ali! Adakah engkau

akan menjual unta ini?” Menjawab Sayyidina ‘Ali: “Kalau saya menjual, berapakah tuan sanggup membelinya?” Orang Arab tanpa ragu-ragu menjawab: “Saya sanggup membelinya dengan harga 160 dirham.” Lalu Sayyidina ‘Ali pun bersetuju.

Pada hari berikutnya, Sayyidina ‘Ali *Karramallâhu Wajhahu* telah menceritakan perkara ini kepada Rasulullah *Shallallâhu ‘alaihi wasallam*, lalu Baginda bersabda:

يَا عَلِيَّ ، أَتَدْرِي مَنِ الْبَائِعِ ؟

“Wahai ‘Ali, adakah engkau tahu siapa si penjual itu?”

Menjawab Sayyidina ‘Ali: “Tidak tahu, wahai Rasulullah.” Menjelaskan Nabi *Shallallâhu ‘alaihi wasallam*:

إِنَّهُ جِبْرِيلُ

(Dia adalah Malaikat Jibril). Bertanya Nabi *Shallallâhu ‘alaihi wasallam* seterusnya:

أَتَدْرِي مَنِ الْمُشْتَرِي ؟

“Adakah engkau tahu siapa pula si pembeli?” Menjawab Sayyidina ‘Ali: “Juga tidak tahu, wahai Rasulullah.” Menjelaskan Baginda *Shallallâhu ‘alaihi wasallam*:

إِنَّهُ مِيكَائِيلُ

(Dia ialah Malaikat Mika’il.)

Ini satu riwayat tentang “modal” (kapital), yang bertolak dari 6 dirham. Semua modal ini tidak sempat dipusing atau dikembangkan kerana ia sudah digunakan untuk membantu orang susah secara percuma – sedekah.

Kelihatannya, cerita wang 6 dirham ini telah pun berakhir, tetapi tidak! Ya, sila lihat! Ia tidak berakhir, belum berakhir begitu saja. Tetapi dengan kehendak Allah, dengan kemurahanNya, hilang 6 dirham/ sedekah 6 dirham, Allah ganti ia dengan 60 dirham: Sayyidina ‘Ali *Karramallâhu Wajhahu* membeli unta dengan harga 100 dirham (hutang), dijualnya dengan harga 160 dirham (tunai): Tolak 100 dirham membayar hutang, ada berapa lagi yang tinggal? Ada berapa lagi baki yang bersih? Bukankah 60 dirham? 60 dirham, saudara! Nisbah: 1 hilang (6 dirham) datang 10 (60 dirham).

Maha Benarlah janji Allah *Subhânahu Wa Ta’âlâ* yang berfirman:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرٌ

أَمْثَالِهَا

(الأنعام : ١٦٠)

Tafsirnya: *Barang siapa yang datang dengan satu amal baik, maka baginya (balasannya) ialah sepuluh kali ganda kebaikan yang sama.*

(*Surah al-An’âm: 160*)

Kerana itu jangan pertikai, tetapi dukung, serta sambut ia dengan do’a dan rasa syukur apabila dari singgahsana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mengisytiharkan bahawa Kerajaan baginda masih sahaja mengekalkan subsidi minyak dan subsidi beras demi untuk kesejahteraan rakyat.

Ini adalah dasar, saudara! “Dasar Ekonomi Zikir”. Sekali lagi “Dasar Ekonomi Zikir”.

Mengapa, mengapa ia dikatakan “Dasar Ekonomi Zikir?” Kerana niat kita adalah bersedekah. Kita pegang dan laksanakan konsep sedekah. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah bersedekah.

Apa itu sedekah? Apa ada pada sedekah? Sabda Nabi *Shallallâhu ‘alaihi wasallam*:

بَاكِرُوا بِالصَّدَقَةِ فَإِنَّ الْبَلَاءَ لَا يَتَخَطَّأُهَا .

Maksudnya: *Bersegeralah kamu bersedekah, kerana sesungguhnya bala bencana itu tidak dapat melangkahi sedekah.*

Bersabda lagi Baginda:

الصَّدَقَةُ عَلَى وَجْهِهَا ، وَبِرُّ
الْوَالِدَيْنِ ، وَاصْطِنَاعُ الْمَعْرُوفِ
يُحَوِّلُ الشَّقَاءَ سَعَادَةً وَيَزِيدُ فِي
الْعُمُرِ وَيَقِي مَصَارِعَ السُّوءِ .

Maksudnya: *Bersedekah pada jalan yang dituntut oleh syara’, berbuat baik kepada ibu bapa dan melakukan kebajikan, akan mengalihkan kesusahan atau penderitaan kepada kesenangan, akan menambah umur serta melindungi daripada asakan atau serangan-serangan kejahatan.*

Sekarang, mari pula kita beralih ke bidang pertahanan. Di awal-awal tadi, kita ada menyebut “Pertahanan Zikir”. Ini juga perlu. Seperti siasah dan ekonomi, pertahanan juga adalah sama-sama penting, sama-sama menentukan *survival* ummah.

Kita memerlukan pertahanan, tetapi bukan pertahanan saja-saja. Pertahanan yang kita mahu, yang kita mesti ada ialah

“Pertahanan Zikir”, yang berpaksikan zikir. Pertahanan yang berisi dengan semangat dan kesedaran ingatkan Allah. Pertahanan yang mendekati Allah. Pertahanan yang menagih pertolongan Allah, bukan pertahanan yang lari daripada Allah, yang melupakan Allah.

Ini dia konsep zikir dalam pertahanan, dalam ketenteraan. Ia, sudah pun diasas dan diajarkan oleh Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* sendiri melalui peristiwa di Badar.

Sebelum perjuangan bermula, Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telah membariskan para sahabat Baginda sambil berdo‘a, ya berdo‘a, do‘a lebih dahulu, munajat lebih dahulu. Do‘a Baginda:

اللَّهُمَّ إِنَّهُمْ جِيَاعٌ فَأَطْعِمْهُمْ

Maksudnya: Ya Allah, ini para sahabatku, mereka lapar maka berikanlah mereka makanan.

اللَّهُمَّ إِنَّهُمْ حُفَاةٌ فَاحْمِلْهُمْ

Maksudnya: Ya Allah, ini para sahabatku, mereka tidak punya alas kaki (kasut), maka bawakanlah kepada mereka alas kaki.

اللَّهُمَّ إِنَّهُمْ عُرَاةٌ فَاكْسُهُمْ

Maksudnya: Ya Allah, ini para sahabatku, mereka tidak punya pakaian, maka pakaikanlah mereka (berilah mereka pakaian).

Tidak lama kemudian, Baginda bersabda pula:

أَبَشِّرْ يَا أَبَا بَكْرٍ ! إِنَّي أَرَى

جِبْرِيلَ الْآنَ عَلَى رَأْسِ أَلْفٍ مِنْ

الْمَلَائِكَةِ يُقَاتِلُونَ مَعِ

الْمُسْلِمِينَ "

Maksudnya: Bergembiralah wahai Abu Bakar! Sesungguhnya aku sekarang nampak Malaikat Jibril sedang mengepalai seribu para malaikat untuk berperang bersama-sama dengan kaum Muslimin.

Dari mana punca pertolongan ini, saudara? Dari mana? Dari do‘a, dari zikir kepada Allah. FirmanNya:

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ

لَكُمْ أَنِّي مُبْدئُكُمْ بِالْفِ مِّنَ

الْمَلَائِكَةِ مُرْدِفِينَ ﴿١٠٠﴾

(الأَنْفَالِ :

Tafsirnya: (Kamu ambil perhatian) ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhan kamu, lalu Dia (Allah) berkenankan permohonan kamu itu (firmanNya): “Sesungguhnya Aku akan membantu kamu dengan seribu (bala tentera) dari kalangan malaikat yang datang berturut-turut.”

(Surah al-Anfal: 9)

Ah, ini dia rahsia do‘a, saudara! Ini dia rahsia berkat zikir kepada Allah. Ini dia penangan senjata do‘a. Senjata do‘a adalah mendahului segala senjata. Kekuatan do‘a dan zikir adalah mengatasi segala kekuatan. Maka lantaran itulah, kita penuh yakin, bahawa *survival* kita, *survival* ummah, *survival* Negara Brunei Darussalam pada khususnya adalah turut ditentukan oleh do‘a, oleh zikir kepada Allah dan oleh amal taqwa kita.

Di zaman Sayyidina ‘Umar selaku khalifah, tentera Muslimin bersiap untuk ke Parsi di bawah pimpinan Panglima Sa‘ad bin Abu Waqash. Sebelum bertolak, kedengaran ‘Umar berpesan kepada panglimanya ini:

يَا سَعْدُ ! أَوْصِيكَ وَأَوْصِي مَنْ

مَعَكَ بِتَقْوَى اللَّهِ

“Wahai Sa‘ad! Aku berpesan kepadamu dan juga kepada siapa yang bersamasamamu, supaya bertaqwalah kepada Allah.”

“Apa maknanya ini wahai ‘Umar, wahai Amirul-Mu‘minin? Bolehkah tuan tafsirkan? Ini adalah pasukan tentera, apakah hubungannya dengan pesanan bertaqwa?”

Berkata ‘Umar selanjutnya:

"وَاللَّهِ ! أَنَا لَا أَخْشَى عَلَى

الْجَيْشِ مِنْ عَدُوِّهِ ، إِنَّمَا أَخْشَى

عَلَى الْجَيْشِ مِنْ ذُنُوبِهِ . ذُنُوبُ

الْجَيْشِ تُدْمِرُهُ ، فَإِنَّا إِذَا عَصَيْنَا

اللَّهَ زَادَ الْعَدُوُّ عَلَيْنَا عَدَدًا وَعَدَدًا .

فَتَسَاوَيْنَا مَعَهُ فِي الْمَعْصِيَةِ

فَهَزَمْنَا ."

“Demi Allah, aku tidak takut askar-askar kita ini kalah oleh musuh, tetapi apa yang aku takutkan, askar-askar kita itu kalah kerana dosa. Dosa-dosalah yang

akan menghancurkan mereka. Demi sesungguhnya apabila kita menderhakai Allah, maka bilangan dan kekuatan musuh akan bertambah. Manakala kita dan musuh sama-sama melakukan derhaka, sama-sama berdosa, maka yang akan kalah ialah kita.”

Ini dia, saudara! Pakaian “Negara Zikir”. Siasahnya siasah zikir, ekonominya ekonomi zikir, sosialnya sosial zikir, dan pertahanannya pertahanan zikir. Kalau ini semua ada, percayalah! Allah tidak akan menarik diri daripada kita, dalam apa pun juga keadaan: Dalam susahkah, dalam senangkah, dalam sempitkah, atau dalam lapangkah. Syaratnya, pelihara terus Allah, jangan lupakan Allah, jangan lawan Allah, jangan perangi Allah. Tetapi banyakkkan mendekatiNya, banyakkkan zikir kepadaNya, banyakkkan do‘a kepadaNya, dan banyakkkan amal salih dan amal taqwa.

Jika ada ini, bererti, kitalah orang-orang yang memelihara Allah. Orang yang memelihara Allah, pasti tidak boleh tidak akan dipelihara pula oleh Allah, sebagaimana perkhabaran Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam*:

أَحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ

Orang-orang yang memelihara Allah adalah orang-orang selamat; negara yang memelihara Allah adalah negara selamat. Itulah dia “Negara Zikir”, negara yang diungkap oleh al-Qur’an sebagai:

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Negara yang indah permai, yang baik, yang sentiasa bernaung di bawah keampunan Allah.

Alhamdulillah, negara kita Brunei Darussalam, sudah nampak iras-iras itu. Mudah-mudahan.

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Di antara ciri-ciri بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ

ialah keamanan dan kemakmuran. Ini semua *Alhamdulillah*, sudah dan sedang kita nikmati.

Mari, ya mari terus kita pelihara ia, terus kita pupuk ia, terus kita hias ia, terus kita tanai ia – dengan apa? Dengan “Dzikrullah”.

Dengan *Subhānallāh* (سُبْحَانَ اللَّهِ)

dengan *Alhamdulillah* (الْحَمْدُ لِلَّهِ)

dengan *La ilāha illāllāh* (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ)

dengan *Allāhu Akbar* (الله أكبر)
 dengan *Lā haula walā quwwata illā billāh* (لا حول ولا قوة إلا بالله)
 dan dengan *āmaḥ taqwa*.

Jangan lari daripada ini. Jangan tukar ia dengan yang lain-lain. Jangan tukarkan kecintaan terhadap Allah dengan kebencian, jangan tukarkan ketaatan kepadaNya dengan keingkaran.

Ingat! Ini semua adalah ubat bagi ketahanan diri, ubat bagi ketahanan negara, dan benteng bagi keamanan, benteng bagi kemakmuran.

Ini dia rahsia kekuatan, rahsia ketahanan. Ia terdapat pada zikir, ia terdapat pada ingatan kepada Allah, ia terdapat pada iman, ia terdapat pada amal salih, ia terdapat pada amal taqwa. Sedang kelemahan dan kemusnahan pula adalah berpunca daripada dosa, berpunca daripada derhaka kepada Allah, daripada membelakangi Allah, daripada melawan Allah.

Muhibb ath-Thabri, seorang ulama terkemuka menaiki kapal bersama-

sama dengan para belia dan remaja. Apabila kapal merapat pantai, ath-Thabri melompat turun. Melompat! Melihat ini, para belia dan remaja ingin pula untuk sama-sama melompat tetapi tidak mampu. Lalu bertanyalah mereka kepada ath-Thabri: “Bagaimanakah tuan boleh melakukan ini (melompat), sedang umur tuan sudah melewati 70 tahun, dan kami yang muda-muda tidak dapat melakukannya?”

Berkata ath-Thabri: “Saya telah memelihara anggota tubuh badan saya daripada menderhakai Allah semenjak dari saya muda lagi, kerana itulah Allah telah memeliharanya – untuk saya – ketika saya sudah tua.”

Itu dia, saudara! Contoh orang berzikir, contoh orang yang ingat akan Allah sepanjang hayatnya, contoh orang yang menjunjung titah perintah Allah di sepanjang hayatnya, Allah, tidak akan menghampakannya, Allah tidak akan mensia-siakannya, bahkan Allah, akan terus memeliharanya, akan terus mengurniaknya dengan ni'mat: Ni'mat sihat, ni'mat selamat, ni'mat kuat, ni'mat umur panjang. Maka demikian itulah

keadaannya, kalau negara kita ini menjadi “Negara Zikir”, negara yang dibangun dengan zikir, negara yang dipertahan dengan zikir, maka *insyā* Allah, Brunei Darussalam akan menjadi negara terulung di dunia yang layak dan bahkan berhak untuk menerima jolokan:

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Negara yang baik, yang selamat, yang aman makmur, yang sentiasa bernaung di bawah pengampunan Allah. *Wallāhu a'lam*.

Ampun beribu ampun,

Demikianlah sahaja khulashah pembentangan hamba Duli Tuanku. Sebelum mengundurkan diri, hamba Duli Tuanku menjunjung limpah kurnia kemaafan sekiranya terdapat perkara-perkara sorok langkah yang tidak disenghajikan, sama ada dalam tutur kata mahupun kelakuan.

وبالله التوفيق والهداية، والسلام

عليكم ورحمة الله وبركاته .

Program Latihan Pembentangan Kertas Kerja

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Bagi melahirkan pegawai yang cekap dan berkemahiran, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri pada 3 Muharram 1430 bersamaan 31 Disember yang lalu telah mengadakan Program Latihan Pembentangan Kertas Kerja bertempat di Syuura 3, Darulifta' Brunei Darussalam.



Suasana ketika sesi pembentangan diadakan.

Kertas kerja pada hari tersebut dibentangkan oleh Hajah Siti Khadizah binti Haji Emran, Ulama Tarbiah Fatwa, Jabatan Mufti Kerajaan bertajuk Murtad: Kesannya Terhadap Perkahwinan.

Hadir di program latihan tersebut termasuklah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan; Yang Mulia Dato Paduka Ahmad Bukhari bin PSRK Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran, Jabatan Mufti Kerajaan dan pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan.

JMK dan BPISHHB terus terima pelawat

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Seramai 150 orang anggota Angkatan Pertahanan Singapura (Singapore Armed Forces) telah mengadakan lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BPISHHB) pada 4 Zulhijjah, 1429 bersamaan 2 Disember, 2008.

Terdahulu sebelum itu, murid-murid dari Princess Elizabeth Primary School, Singapura dan Sekolah Rendah Serasa, Muara telah mengadakan lawatan ke Jabatan Mufti Kerajaan dan BPISHHB pada 28 Zulkaedah, 1429 bersamaan 26 November, 2008. Rombongan seramai 80 orang murid itu diiringi oleh beberapa orang guru.

Dalam kedua-dua lawatan tersebut para pelawat berkenaan telah diberikan taklimat mengenai BPISHHB dan Jabatan Mufti

Kerajaan oleh Dayang Hajah Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal, Ketua Penyemak Penerimaan Fatwa Jabatan Mufti Kerajaan.

Sepanjang tiga bulan terakhir tahun 2008 ini, Jabatan

Mufti Kerajaan dan BPISHHB menerima lagi beberapa lawatan antaranya daripada guru-guru dan penuntut beberapa buah sekolah iaitu Ma'had Islam Brunei, Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Sekolah Ugama Bengkurong. Turut mengadakan lawatan ialah peserta Program Perkampungan Hijrah Belia Kali



Peserta Program Perkampungan Hijrah Belia Kali Keempat, Jabatan Belia dan Sukan mendengar taklimat mengenai Jabatan Mufti Kerajaan dan BPISHHB daripada Pengiran Haji Ibarahim bin Pengiran Haji Bakar, Penolong Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Mufti Kerajaan.

Keempat, Jabatan Belia dan Sukan dan peserta Program Syifa Ul-Insan, Anggota Batalion Pertama Tentera Darat Diraja Brunei.



Anggota Angkatan Pertahanan Singapura (Singapore Armed Forces) tertarik dengan salah sebuah Mushaf kecil yang dipamerkan di BPISHHB.



Murid-murid dari Princess Elizabeth Primary School, Singapura dan Sekolah Rendah Serasa, Muara ketika mengadakan lawatan ke BPISHHB.

TAUBAT DAN KEINSAFAN KA'AB IBNU MALIK

Diolah oleh: Abu Qasim Ismail

Ka'ab ibnu Malik adalah salah seorang sahabat Nabi *Shallallâhu 'alaihi wasallam* yang mendapat anugerah Allah *Subhanahu wa Ta'âlâ* berupa menaikkan semangat jihad tentera Islam dalam peperangan dengan bersyair. Kebanyakan syair-syairnya bertemakan jihad. Kemampuan sebagai penyair ini, meletakkan Ka'ab ibnu Malik di posisi penting apabila berperang khususnya di sisi Nabi *Shallallâhu 'alaihi wasallam*.

Nama lengkapnya ialah 'Amr bin al-Qain bin Ka'ab bin Sawad bin Ghanam bin Ka'ab bin Salamah. Pada masa jahiliyahnya, dia dikenali dengan panggilan Abu Basyir. Setelah masuk Islam beliau dipanggil Abu Abdullah. Beliau termasuk golongan sahabat yang masuk Islam pada awal-awal lahirnya Islam.

Kisahanya bermula apabila empayar Rom di bawah pemerintahan Raja Kaisar ingin mengembangkan pengaruh serta meluaskan tanah jajahannya sehingga ke negeri-negeri Arab.

Setelah Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* mendapat tahu negeri pertama yang akan diserang oleh tentera Rom itu adalah Kota Madinah, lalu Baginda memerintah umat Islam supaya bersiap sedia untuk menghadapi tentera Rom di bawah pimpinan panglima Herkules itu. Kaum Muslimin segera melakukan persiapan awal dengan berlumba-lumba menginfakkan harta mereka masing-masing untuk persediaan perang.

Maka keluarlah semua para sahabat termasuklah Ka'ab ibnu Malik mencari bekalan bagi persiapan menghadapi peperangan yang julung-julung kalinya berlaku di antara tentera Islam dan Kristian. Mereka akan menghadapi suatu

perjalanan yang begitu jauh iaitu di Tabuk serta mengharungi padang pasir yang begitu panas terik dan kering. Tambahan pula waktu itu sukar untuk mendapatkan bekalan makanan. Tahun tersebut dipanggil 'Saat yang sukar' (Sâ'ah al-'Usrah) sehinggakan ada kalanya sebiji kurma terpaksa dibahagi untuk dua orang memakannya. Justeru itu sudah setentunya banyak bekalan makanan dan minuman diperlukan apatah lagi ketika menghadapi pasukan tentera yang kuat seperti tentera Rom ini yang mungkin memakan masa yang sangat lama bila berperang nanti.

Setelah beberapa hari mencari bekalan Ka'ab pulang dengan 'tangan kosong', sehinggalah sampai sehari sebelum Nabi bersama-sama tentera Muslimin akan berangkat, Ka'ab ibnu Malik masih lagi gagal mendapatkan bekalan. Akhirnya Ka'ab terlambat kerana Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* dan tentera Islam yang lain sudah mula bergerak meninggalkan Madinah menuju ke medan perang di Tabuk.

Mengetahui hal itu Ka'ab ibnu Malik yang terang-terang menempah dosa itu telah mengambil keputusan untuk tidak ikut serta padahal beliau boleh mengejar kerana mereka belum begitu jauh lagi dari Madinah. Tetapi disebabkan hatinya berkata-kata "Aku boleh melakukannya kalau aku mau!" Akhirnya beliau menjadi ragu-ragu untuk menyertainya, apa lagi Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* dan tentera Islam sudah jauh dari pandangan matanya.

Maka tinggallah Ka'ab ibnu Malik di Madinah bersama-sama kaum yang lemah dan kumpulan *munâfiqûn* yang memang awal-awal lagi tidak mahu ikut serta dalam peperangan ini. Mereka sudah tahu bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ke Tabuk untuk bertempur melawan

tentera Rom yang terkenal kuat itu, jadi mereka tidak mahu menanggung risiko terutama takut nyawa mereka terancam.

Namun begitu, Ka'ab ibnu Malik tetap merasa kecewa dan menyesal di atas kesilapan yang telah dilakukannya. Dia tahu setiap peperangan berlaku beliau semestinya berada di sisi Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* untuk menaikkan semangat jihad tentera Islam melalui syairnya.

Sepanjang perjalanan, Nabi *Shallallâhu 'alaihi wasallam* langsung tidak menyebut nama Ka'ab sehinggalah apabila sampai di Tabuk dan mendirikan khemah Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* bertanya: "Apakah yang berlaku dengan Ka'ab bin Malik?"

"Ya Rasulullah, dia ketinggalan disebabkan sibuk oleh kain selendangnya yang bagus yang diletakkan di bahunya, mungkin dibayangi ketakutan untuk berperang". Kata seorang lelaki daripada kaum Anshar keturunan Bani Salamah.

"Alangkah buruknya apa yang kamu ucapkan ini, demi Allah dan RasulNya, kami tidak melihat Ka'ab ibnu Malik melainkan kebaikan". Kata Mu'adz bin Jabal mempertahankan.

Mendengar jawapan itu Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* hanya diam saja seolah-olah memikirkan sesuatu.

Sesungguhnya Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* adalah seorang panglima yang mempunyai strategi perang yang sangat pintar. Ketika Baginda mendapat tahu tentera Rom telah mempersiapkan kekuatan untuk menyerang Madinah, Baginda segera menunggu di Tabuk yang bersempadan dengan Syam yang

telah menjadi jajahan Rom waktu itu. Baginda tidak mahu Madinah diserang sebaliknya akan menyerang tentera Rom terlebih dahulu.

Setelah berbagai helah dilakukan oleh Baginda, akhirnya Baginda dapat membuat perdamaian dengan ketua-ketua kabilah daerah yang berdekatan dengan Tabuk. Mereka selama ini telah menjadi tali barut tentera Rom dengan membenarkan kawasan mereka dijadikan pengkalan untuk menyerang tentera Islam. Setelah mengetahui kekuatan tentera Islam, kesemua ketua kabilah sanggup membayar jizyah (ufti) sebanyak 3,000 dinar setiap tahun kepada Rasulullah dengan syarat tentera Islam tidak mengapa-apakan mereka.

Setelah tentera Rom mendapat tahu jajahan mereka telah jatuh, ditambah pula tentera Islam bersungguh-sungguh telah mempersiapkan bala tentera untuk menyerang mereka, tiba-tiba timbul perasaan gerun di hati mereka dan komandan mereka memerintahkan tentera Rom mengundurkan pasukannya ke belakang sehingga sampai ke garisan perbatasan. Akhirnya tentera Islam mendapat kemenangan besar di Tabuk tanpa pertumpahan darah.

Sekembali Rasulullah dari Tabuk, Baginda segera ke masjid sebagaimana lazimnya melakukan sembahyang dua raka'at tanda syukur ke hadhrat Allah *Subhânahu wa Ta'âlâ*.

Setelah Baginda duduk sejenak, kira-kira lebih kurang 80 orang yang tidak ikut serta berperang mendatangi Baginda. Mereka mengemukakan pelbagai alasan dan sumpah kenapa tidak ikut berperang seperti tidak sihat, uzur, lemah fizikal dan seumpamanya. Rasulullah memaafkan mereka semua sedangkan apa sebenarnya masalah mereka, Baginda serahkan pada Allah *Subhânahu wa Ta'âlâ*.

Timbul lintasan di hati Ka'ab untuk berbohong kepada Nabi supaya dia

juga dimaafkan sepertimana sahabat-sahabat yang lain tetapi dia merasa takut kalau dia berbohong kepada Nabi, maka dia akan melakukan dosa yang besar di sisi Allah.

Ketika Ka'ab ibnu Malik datang, Baginda menyambut dengan muka yang agak marah. Baginda menyuruh Ka'ab duduk dan bertanya: "Apakah yang menghalangi engkau tidak ikut ke Tabuk, bukankah engkau telah ada kenderaan (2 ekor unta) yang terbaik?"

Ka'ab menjawab pertanyaan Baginda dengan sejujurnya: "Wahai Rasulullah, demi Allah, seandainya aku berdiri di hadapan orang selain engkau, nescaya aku akan mengada-adakan pelbagai alasan, tetapi sedikitpun aku tidak ingin membohongi Rasulullah kerana takutkan Allah Ta'ala. Sesungguhnya aku sengaja tidak mengikuti berperang tanpa suatu alasan apapun kecuali tidak mendapat bekalan yang secukupnya untuk menghadapi peperangan di Tabuk."

Jawab Baginda: "Jika engkau jujur dalam hal ini maka berdirilah engkau sampai Allah memberi keputusan padamu." (Tunggu sampai Allah *Subhânahu wa Ta'âlâ* menurunkan wahyuNya)

Setelah itu Ka'ab bertanya kepada beberapa orang Bani Salamah: "Apakah ada orang lain yang mengaku tidak berperang dengan alasan yang sama sebagaimana diriku?"

Jawab Bani Salamah: "Ada iaitu Murarah bin Rabi'ah al-Amiri dan Hilal bin Umaiyah al-Waqifi." Ka'ab berkata: "Kedua-duanya adalah orang salih yang aku kenali."

Sebagai tindak balas bagi ketiga-tiga orang itu, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* melarang semua kaum Muslimin di Madinah untuk berbicara dengan mereka, sehingga tidak seorangpun yang mahu mendekati mereka.

Disebabkan itu maka Murarah dan Hilal tidak mahu keluar rumah, manakala Ka'ab ibnu Malik tetap berjualan di pasar meskipun tidak ada seorangpun yang mahu berbicara dengannya. Hidup Ka'ab, Murarah dan Hilal sudah tidak ada erti lagi. Kesemua orang memboikot untuk bercakap dengan mereka bertiga gara-gara dosa mereka tidak ikut berperang.

Di antara mereka bertiga itu, cuma Ka'ab yang boleh menghadapi suasana sebegini, walaupun pahit untuk diharungi. Beliau cuba mendatangi masjid dan memberi salam kepada Nabi. Beliau tidak pasti apakah Baginda menggerakkan bibirnya menjawab salam beliau atau tidak. Pernah ketika beliau hendak sembahyang, Nabi melihatnya dan ketika beliau mahu memandang Baginda secara terang-terangan maka Baginda berpaling daripadanya.

Mereka bertiga sudah berputus asa untuk hidup, mereka sentiasa berdo'a dan menangis agar Allah *Subhânahu wa Ta'âlâ* mengampunkan mereka. Mereka tidak sanggup lagi, seolah-olah langit dan bumi turut memboikot mereka.

Setelah masa berlalu selama 40 hari 40 malam, maka datanglah utusan Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* kepada Ka'ab.

"Jauhilah isterimu!" Kata utusan itu. "Apakah aku harus mentalaknya?" Tanya Ka'ab.

"Tidak, cuma jangan dekati dia", Jawab utusan Nabi.

Demikian pula perintah terhadap kedua-dua sahabatnya sehingga datang isteri Hilal bin Umaiyah dan berkata. "Ya Rasulullah, Hilal bin Umaiyah adalah orang yang telah lanjut usianya dan keadaannya sangat lemah, apakah aku boleh melayaninya?"

"Ya. Tetapi jangan biarkan dia mendekatimu," sabda Baginda.

“Ya Nabi Allah, dia sama sekali tidak mempunyai nafsu lagi untuk itu”. Jawab isteri Hilal.

Sementara itu Ka‘ab cuba menemui sepupunya Abu Qatadah dengan memberi salam, namun tidak ada jawapan. Beliau pun berkata. “Wahai Abu Qatadah, bukankah engkau tahu, bahawa aku sangat mencintai Allah dan RasulNya?” Masih tidak ada jawab sehingga Ka‘ab mengulanginya sehingga tiga kali, namun hampa.

“Wahai Abu Qatadah, dengarkan, demi Allah aku bertanya kepadamu, bukankah engkau ketahui bahawa aku sangat mencintai Allah dan RasulNya?”

“Allah dan RasulNya lebih mengetahui,” kata Abu Qatadah.

Mendengar itu, Ka‘ab menangis dan keluar dari kawasan rumah Abu Qatadah.

Setelah 50 hari 50 malam tidak tenteram dan merasa terasing dipulaukan serta dipinggirkan, tiba-tiba berita gembira datang kepadanya iaitu Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* telah menerima taubat Ka‘ab bin Malik, Murarah ibnu Rabi‘ dan Hilal ibnu Umaiyah.

Allah telah menurunkan firmanNya khusus untuk mereka bertiga:

لَقَدْ تَابَ اللَّهُ عَلَى النَّبِيِّ
وَالْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ الَّذِينَ
اتَّبَعُوهُ فِي سَاعَةِ الْعُسْرَةِ مِنْ بَعْدِ مَا
كَادَ يَزِيغُ قُلُوبَ فَرِيقٍ مِّنْهُمْ ثُمَّ
تَابَ عَلَيْهِمْ إِنَّهُ بِهِمْ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ
وَعَلَى الثَّلَاثَةِ الَّذِينَ خَلَفُوا
حَتَّىٰ إِذَا صَاقَتْ عَلَيْهِمُ الْأَرْضُ بِمَا

رَحِبَتْ وَصَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنْفُسُهُمْ

وَوَظَنُوا أَنْ لَا مَلْجَأَ مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ

ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ

التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

(سورة التوبة: ١١٧-١١٨)

Tafsirnya: *Sesungguhnya Allah telah menerima taubat Nabi dan orang-orang Muhajirin dan Anshar yang mengikutnya (berjuang) dalam masa kesukaran, sesudah hampir-hampir terpesong hati segolongan daripada mereka (daripada menurut Nabi untuk berjuang); kemudian Allah menerima taubat mereka; sesungguhnya Allah Amat Belas, lagi Maha Mengasihani terhadap mereka. Dan (Allah menerima pula taubat) tiga orang yang ditanggihkan (penerimaan taubat mereka) hingga apabila bumi yang luas ini (terasa) sempit kepada mereka (kerana mereka dipulaukan), dan hati mereka pula menjadi sempit (kerana menanggung dukacita), serta mereka yakin bahawa tidak ada tempat untuk mereka lari daripada (kemurkaan) Allah melainkan (kembali bertaubat) kepadaNya; kemudian Allah (memberi taufiq serta) menerima taubat mereka supaya mereka kekal bertaubat. Sesungguhnya Dialah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani.*

(Surah at-Taubah: 117-119)

Setelah Allah menurunkan firmanNya maka Baginda segera mengutuskan seseorang untuk menyampaikan berita gembira itu kepada mereka bertiga. Semasa utusan Nabi datang, Ka‘ab sedang duduk di atas tumpukan barang-barang dagangannya dalam keadaan kesedihan. Setelah dia diberitahu mengenai pengampunan Allah atas taubatnya, maka dia langsung gembira dan bersujud syukur kepada Allah.

Setelah itu Ka‘ab bergegas datang ke masjid menemui Rasulullah dan setelah menjawab salamnya, Baginda memandang kepadanya sambil tersenyum seraya berkata:

أَبَشِرْ بِخَيْرِ يَوْمٍ مَّرَّ عَلَيْكَ مِنْذُ
وَلَدْتِكَ أُمَّكَ

(رواه البخاري)

Maksudnya: *Bergembiralah dengan sebaik-baik hari ini sejak engkau dilahirkan oleh ibumu.*

Tanda syukur kerana berakhirnya azab yang ditanggung selama ini Ka‘ab menyerahkan semua hartanya untuk Allah dan RasulNya, tetapi Rasulullah menolak hartanya.

“Simpanlah sebahagian hartamu, kerana itu lebih baik bagimu.” sabda Rasulullah *Shallallāhu ‘alaihi wasallam*.

Ka‘ab berkata: “Demi Allah, sejak Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* memberi petunjuk Islam kepadaku, tiada ni‘mat yang lebih berharga dan lebih besar selain aku dapat berkata jujur pada RasulNya, ketika aku dan dua orang sahabatku berjanji untuk tidak mendustakannya agar kami tidak dilaknat seperti yang dikenakan ke atas mereka. Aku berharap Allah tidak menguji seseorang itu dalam semua hal berkata benar sebagaimana Allah mengujiku. Aku tidak pernah berdusta dan berharap semoga Allah melindungiku setelah kejadian itu.”

Sumber:

Tafsir Pimpinan ar-Rahman

Tafsir Pimpinan al-Azhar

Tafsir Ibnu Katsir

Hayātus - Shālihīn - Syeikh Abdul

Mun‘im Qindil, terjemahan Yunus

Ali al-Muhdhar

Taubat - Muhammad Isa Salamah

An-Nawawi

(Siri Kedua)

Oleh: Dr. Haji Muhammad Nur Lubis

Apakah yang disebutkan oleh Ibnu al-‘Aththar, al-Yunaini dan adz-Dzahabi itu adalah betul kerana an-Nawawi sendiri mengakui bahawa selama hampir dua tahun beliau tidak pernah berbaring untuk tidur. Pengakuan seperti itu mudah diterima oleh orang-orang yang berpegang dan sehaluan dengan sistem pembelajaran an-Nawawi. Jika tidak begitu keadaan beliau, maka bagaimana beliau dapat menghafal dan mengulang kaji 12 mata pelajaran setiap hari. Ini ditambah lagi masa untuk beribadat, *mentashhīh* dan mengulas apa yang dipelajari begitu juga masa untuk mengarang. Allah Ta‘ala telah memberkati masa dan waktu beliau. Gambaran masa yang berkat itu disebutkan oleh Syeikh Abdul Ghani ad-Daqr bahawa dalam satu hari beliau dapat menghasilkan karya ilmiah untuk dua hari bagi orang lain dan dalam satu tahun untuk dua tahun bagi orang lain. Justeru itu Syeikh Abdul ad-Daqr berkata bahawa tidak hairanlah dalam tempoh lebih kurang 10 tahun saja, an-Nawawi telah berjaya dalam pelajaran, kemudian menjadi seorang pengajar dan pengarang besar. Patutlah beliau dikatakan telah beroleh pangkat ulama besar zamannya dalam usia belum mencapai 25 tahun.

Dengan itu, dalam jangka lebih kurang sepuluh tahun saja beliau telah berjaya melengkapkan diri sebagai seorang yang alim dan beransur-ansur menjadi tokoh utama bidang keilmuan pada zaman itu. Beliau akhirnya muncul sebagai tokoh fiqh paling utama mazhab Syafi‘e.

Tidak Serasi Dengan Ilmu Perubatan

Dalam keadaan hati yang terang, lapang dan mudah memahami dan menghafal apa saja ilmu yang

dipelajari, menjadikan an-Nawawi terus tamak dan ghairah untuk menguasai segala bidang ilmu. Lalu tergeraklah hati an-Nawawi untuk menambah pengetahuan dalam bidang perubatan. Beliau pun membeli buku-buku mengenainya dan membacanya. Tetapi bidang ini tidak jadi diceburinya kerana merasakan ada sesuatu yang tidak kena pada dirinya setelah mula membaca buku itu. Tubuh badan tidak aktif dan hati terasa gelap. Beliau berkata: “Terlintas dalam hati saya untuk berkecimpung dalam bidang ilmu perubatan. Saya pun membeli kitab al-Qânûn dan berazam akan mempelajarinya, tetapi hati saya terasa gelap dan untuk beberapa hari saya tidak dapat melakukan apa-apa. Saya memikirkan keadaan saya itu dan mengapa saya jadi begini. Lalu saya mendapat ilham bahawa sebab saya berkeadaan begitu kerana disibukkan oleh ilmu perubatan. Saya pun menjual kitab al-Qânûn itu. Selepas itu hati saya pun terasa lapang dan terang semula.”

“Boleh jadi ilmu perubatan tidak serasi dengan beliau”. Inilah barangkali ungkapan yang tepat untuk keadaan an-Nawawi itu. Walaupun begitu, ilmu perubatan bukanlah tidak baik. Ilmu ini juga sangat diperlukan dan dituntut. Imam Syafi‘e berkata bahawa ilmu itu dua; pertama ilmu fiqh bagi keperluan pengamalan agama dan kedua ilmu perubatan bagi keperluan kesihatan tubuh badan. Boleh jadi yang tidak serasi dengan an-Nawawi itu ialah ilmu perubatan yang berasaskan falsafah, bukan ilmu Perubatan Kenabian kerana mengikut as-Sakhawi ilmu yang dipuji oleh asy-Syafi‘e ialah ilmu Perubatan Kenabian.

Mengambil Asas Ilmu Dengan Talaqqi

Ilmu dan kitab-kitab *turats* Imam an-Nawawi terkenal berkat kerana masih digunakan dan dimanfaatkan sehingga sekarang. Salah satu unsur yang menyebabkan yang demikian barangkali ialah kerana asas-asas ilmu yang dituliskannya itu diambilnya dengan sistem bacaan bersama guru (*talaqqi*). Misalnya dalam bidang ilmu fiqh beliau mengakui mengambilnya dengan cara bacaan daripada guru. Beliau berkata: “Saya mengambil ilmu fiqh dengan cara bacaan dengan guru, sama ada *mentashhīh*, mendengar, syarahan atau ulasan daripada beberapa orang guru”. Gurunya sendiri memberi pengakuan berikut: “*Alḥamdulillāh*, al-Faqih Abu Zakariya Yahya bin Syarf bin Muri an-Nawawi telah membacakan kitab at-Tanbīh kepada saya mulai dari awal sehingga ke akhir kitab menerusi hafalannya.”

Talaqqi yang dimaksudkan ialah bersua muka. *Talaqqi* dalam menuntut ilmu ialah mengambil ilmu daripada guru secara langsung dalam satu majlis, sama ada dengan mendengarnya daripada mulut guru dengan menyampaikan atau membacakan kitab dan *syarah* dan ulasannya, atau murid membacakan kitab dan guru mendengarnya. *Talaqqi* ini sangat disukai pelajar dan ulama kerana antara matlamatnya ialah untuk memperoleh rentetan, salasilah atau tali ikatan ilmu sehingga ke sumber pertamanya. Menurut Ibnu Hajar rentetan ini dinamakan sebagai nasab ilmu ulama.

Kepentingan salasilah atau nasab ilmu ini ditegaskan oleh Imam an-Nawawi di dalam kitabnya *Tahdzīb al-Asmâ’ wa al-Lughât*, katanya: “Salasilah ini termasuk perkara yang dituntut dan penting, bahkan sebagai permata yang amat bernilai yang sepatutnya diketahui oleh

orang yang sedang belajar fiqh dan oleh ulama fiqh sendiri. Pelajar dan ulama dianggap belum baik jika tidak mengetahuinya. Ini kerana gurugurunya dalam pembelajaran adalah datuk neneknya di dalam agama, dan penghubung antaranya dengan Tuhan Pentadbir Seluruh Alam. Bagaimana tidak dikatakan belum baik jika jahil terhadap nasab dan penghubungnya di antaranya dengan Tuhan Yang Maha Mulia lagi Maha Pemberi, sedangkan dia disuruh mendo'akan gurugurunya, menghulurkan kebajikan kepada mereka, mengenang warisan mereka dan menghormati mereka?

Selepas berkata begitu, Imam an-Nawawi menyebutkan pertalian ilmunya sehingga kepada Nabi *Shallallâhu alaihi wasallam* dan sistem pengambilan ilmunya daripada gurugurunya, sama ada menerusi

bacaan langsung dengan mereka, *mentashhîh*, mendengar saja, ulasan dan komentar.

Menerusi sistem *talaqqi* diharapkan ilmu yang dipelajari bersambung dan berentetan mulai daripada penuntut, gurunya, guru kepada gurunya dan sehingga ke sumber pertamanya.

Apabila diimbas semula bagaimana ilmu-ilmu Islam muncul sehingga ke peringkat perkembangannya, didapati ia tetap berkait rapat dengan persoalan bagaimana ilmu itu diambil dan dikembangkan.

Ketika Nabi Muhammad *Shallallâhu alaihi wasallam* mula dilantik menjadi Rasul dengan menerima wahyu pertama kita mendapati antara lain ayat: **اقْرَأْ** (bacalah). Ayat ini disampaikan Jibril '*Alaihissalâm*

dengan bacaan, bukan tulisan.

Setelah itu, wahyu (ilmu) yang diterima Baginda *Shallallâhu alaihi wasallam* terus bertambah, sama ada dengan wahyu atau ilham; atau sama ada dengan lafaz bersama maknanya sekali (al-Qur'an) atau dengan maknanya saja (hadits).

Salah satu peristiwa yang terjadi di antara pembawa wahyu, Jibril '*Alaihissalâm* dengan Baginda *Shallallâhu alaihi wasallam* ialah peristiwa dialog antara keduanya tentang pengertian Iman, Islam dan Ihsan. Peristiwa ini terjadi di hadapan para sahabat *Radiallâhu anhum* untuk menyampaikan pengajaran agama dan supaya mereka mengambil *i'tibar* bagaimana cara mengambil ilmu.

Bersambung dikeluarkan akan datang

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT INSTITUT PENGURUSAN DAN PENYELIDIKAN FATWA (INFAD)

Oleh: Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

Satu Mesyuarat Majlis Penasihat Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) telah diadakan di Putrajaya, Kuala Lumpur, Malaysia pada 13 Oktober, 2008.

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan yang juga antara ahli panel penasihat majlis tersebut telah menghadiri mesyuarat tersebut dan berlepas ke Kuala Lumpur pada 12 Oktober, 2008 bersama beberapa orang pegawai Jabatan Mufti Kerajaan.

Dalam mesyuarat tersebut beberapa perkara telah dibincangkan bersama ahli-ahli penasihat berbagai perwakilan termasuk Malaysia selaku tuan rumah, Indonesia dan Taiwan. Antaranya mesyuarat telah bersetuju:

1. Memantapkan hala tuju dan perancangan INFAD sebagai



Suasana ketika mesyuarat sedang dijalankan. Kelihatan (di-tengah-tengah) Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Darussalam.

institut pengurusan fatwa dan penyelidikan sedunia.

2. Menjalinkan hubungan kerjasama (MoU) dalam berbagai bidang khususnya yang berkaitan dengan

institusi fatwa dan bertukar-tukar hasil penerbitan.

3. Mengadakan pelan strategik INFAD.

Nusyûz: Isteri Menjauhkan Diri

Mungkin masih ramai di kalangan isteri-isteri yang tidak menyedari akan tingkah laku, sorok langkah dan percakapannya terhadap suaminya selama ini, sebenarnya telah termasuk dalam kategori *nusyûz*.

Isteri yang tidak taat kepada suami dalam perkara yang tidak bertentangan dengan agama adalah dinamakan *nusyûz*.

Menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullâhu Ta'âlâ*, *nusyûz* bererti keluar daripada ketaatan.

Dalam erti lain, *nusyûz* ialah keluar daripada mentaati perintah suami. Ini terjadi apabila isteri tidak menghiraukan atau menjalankan hak suami atas dirinya.

Menurut Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullâhu Ta'âlâ*, *nusyûz* adalah termasuk dalam kategori dosa-dosa besar.

Antara tanda-tanda *nusyûz* seorang isteri itu ialah seperti menjawab kasar pertanyaan suami jika dahulunya berlemah lembut dan sangat bersopan santun, merungut atau suka memebel jika dahulunya peramah, menjauhkan diri jika dahulunya memedulikan dan sangat prihatin.


Firman Allah *Subhânahu wa Ta'âlâ*:

وَأَلَيْتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ

فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ

وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا

عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا



Tafsirnya: *Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan derhaka (nusyûz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) tinggalkanlah (pulauanlah) mereka di tempat tidur; dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya), kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.*

(Surah an-Nisâ': 34)

Daripada ayat tersebut, dapat difahami bahawa jika suami melihat ada tanda-tanda *nusyûz* pada kelakuan isterinya, maka suami hendaklah memberi tunjuk ajar kepada isterinya dengan baik dan menyedarkan akan kesalahannya itu. Iaitu bermula dengan memberi nasihat dan jika masih tidak didengar, hendaklah suami memisahkan diri dari isterinya di tempat tidur dan jika masih tidak berkesan juga, hendaklah suami memukulnya dengan kadar pukulan yang ringan iaitu yang tidak meninggalkan kesan sehinggalah dia (isteri) mentaati semula suaminya. Isteri yang taat bukanlah semata-mata tunduk kepada suaminya, tetapi taat di sini bererti isteri yang tahu akan hak dan kewajibannya terhadap suaminya dan dapat menjaga rumahtangganya dengan baik.

Maka mana-mana isteri yang menjauhkan diri dari suami mereka boleh membawa erti kepada tidak memedulikan atau tidak menghiraukan suami. Apabila ini terjadi, ditakuti akan terjadi *nusyûz* jika isteri tidak mentaati perintah suami.

Seperti yang telah diterangkan, hukum isteri yang *nusyûz* adalah berdosa besar dan diwajibkan ke atasnya untuk segera bertaubat dan kembali semula mentaati suaminya. Ini kerana berbagai-bagai ancaman dan kerugian telah diterangkan dalam hadits-hadits Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* tentang akibat mengabaikan hak suami yang wajib dijalankan oleh isteri.

Oleh itu, untuk menjadi isteri yang salihah, hendaklah isteri itu taat kepada suami yakni tidak menjauhkan diri dalam perkara yang tidak bercanggah dengan syara' dengan menjalankan segala tanggungjawabnya terhadap suami dalam rumahtangga supaya beroleh ganjaran dan keuntungan yang telah dijanjikan oleh Allah *Subhânahu wa Ta'âlâ*.

Sehubungan dengan itu isteri wajib menjalankan tanggungjawabnya dalam menunaikan hak-hak suaminya sebagaimana yang dijelaskan dalam sebuah hadits Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* daripada Abdullah bin Abu 'Awfa, Baginda bersabda:

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَا تُؤَدِّي الْمَرْأَةُ حَقَّ رَبِّهَا حَتَّى تُؤَدِّيَ حَقَّ زَوْجِهَا.

(رواه ابن ماجه)

Maksudnya: *Demi (Allah) yang memegang nyawa Muhammad di dalam tanganNya, tidaklah seorang perempuan (isteri) itu menunaikan hak Tuhannya sehingga dia menunaikan hak suaminya.*

(Hadits riwayat Ibnu Majah)

Kewajipan Taat Kepada Suami

Suami merupakan pemimpin atau ketua bagi sebuah keluarga. Antara hak seorang suami yang wajib dilaksanakan oleh isteri ialah isteri

wajib taat dan melakukan segala perintah suaminya dengan syarat perintah tersebut tidak bertentangan dengan kehendak hukum syara'. Perintah untuk mentaati suami selain disebutkan oleh Allah *Subhânahu wa Ta'âlâ* dalam al-Qur'an, diperjelaskan juga dalam beberapa hadits Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam*.

Antara hadits-hadits Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* yang menerangkan tentang kewajiban taat kepada suami ialah:

(1) Hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallâhu 'anh*, Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* bersabda:

لَوْ كُنْتُ أَمْرًا أَحَدًا أَنْ يَسْجُدَ
لِأَحَدٍ، لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ
لِزَوْجِهَا.

(رواه الترمذي)

Maksudnya: Jika aku boleh memerintahkan seseorang supaya sujud kepada orang lain, nescaya akan aku perintahkan seorang perempuan (isteri) sujud kepada suaminya.

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Berdasarkan kepada hadits di atas, isteri mempunyai kewajiban dan tanggungjawab yang besar terhadap suaminya (iaitu dari segi ketaatan dalam menjalankan hak-hak suaminya) sehinggakan kalau dibenarkan sujud kepada manusia, nescaya kaum isterilah yang diperintahkan untuk sujud kepada para suami mereka. Tetapi dalam Islam, sujud hanya dibolehkan kepada Allah *Subhânahu wa Ta'âlâ* sahaja dan tidak pada yang selainNya. (Kitab Tuhfah al-Ahwadzi bi-Syarh Jami' at-Tirmidzi: 4/253)

(2) Hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallâhu 'anh*, Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى
فِرَاشِهِ، فَأَبَتْ أَنْ تَجِيءَ لَعَنَتَهَا
الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تُصْبِحَ.

(رواه البخاري)

Maksudnya: Jika suami mengajak isterinya tidur, lalu isteri tidak mahu melayaninya, maka dia (isteri) dikutuk oleh Malaikat hingga ke pagi hari.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

(3) Hadits yang diriwayatkan daripada Jabir *Radhiallâhu 'anh*, Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* bersabda:

ثَلَاثَةٌ لَا تُقْبَلُ لَهُمْ صَلَاةٌ، وَلَا
يَصْعَدُ لَهُمْ إِلَى اللَّهِ حَسَنَةٌ:
السُّكْرَانُ حَتَّى يَصْحَوْ، وَالْمَرْأَةُ
السَّاحِطَةُ عَلَيْهَا زَوْجِهَا، وَالْعَبْدُ
الْأَبْقُ حَتَّى يَرْجِعَ فَيَضَعَ يَدَهُ فِي
يَدِ مَوْلِيهِ.

(رواه الطبراني)

Maksudnya: Tiga golongan (manusia) yang tidak diterima (Allah) sembahyang mereka dan tidak akan diangkat kepada Allah (satu pun) daripada kebaikan mereka: Orang yang mabuk sehingga dia sedar daripada mabuknya, isteri yang dimurkai ke atasnya (oleh) suaminya, hamba yang melarikan diri sehingga dia kembali semula (kepada tuannya) dan meletakkan tangannya pada tangan tuannya (tanda patuh).

(Hadits riwayat ath-Thabarani)

Ganjaran Taat Kepada Suami

Isteri yang menjalankan tanggungjawab dan hak suaminya akan menerima ganjaran yang sangat besar jika suaminya redha terhadapnya. Perkara ini ada diterangkan dalam

sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Ummu Salamah *Radhiallâhu 'anha*, Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* bersabda:

أَيُّمَا امْرَأَةٍ مَاتَتْ وَزَوْجُهَا عَنْهَا
رَاضٍ، دَخَلَتْ الْجَنَّةَ.

(رواه الترمذي)

Maksudnya: Mana-mana perempuan (isteri) yang mati dan suaminya redha kepadanya (isteri), maka (isteri itu) akan masuk syurga.

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Dalam hadits yang lain, Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ خَمْسَهَا،
وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَفِظَتْ
فَرْجَهَا وَأَطَاعَتْ زَوْجَهَا، قِيلَ
لَهَا: أُدْخِلِي الْجَنَّةَ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ
الْجَنَّةِ شِئْتَ.

(رواه أحمد)

Maksudnya: Apabila seorang perempuan telah mengerjakan sembahyang lima waktu, mengerjakan puasa pada bulan Ramadhan, memelihara kemaluannya, dan juga taat kepada suaminya, maka dikatakan kepadanya: "Masuklah engkau ke dalam syurga dari pintu mana yang engkau sukai.

(Hadits riwayat Ahmad)

Oleh yang demikian, isteri perlu faham bahawa salah satu kriteria yang wajib dilaksanakan bagi membolehkannya masuk syurga ialah mentaati suami pada perkara yang dibenarkan syara'. Begitu mudah bagi isteri mendapat ganjaran syurga selama mana dia mentaati suami pada perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan syara'.

Elimination of Dogs (Part I)

Question: With respect, we would like to inform you that we have received many requests for help with the elimination of stray dogs (dogs who do not have owners) from the public.

Among the questions raised are:

1. Request for assistance in eliminating the ever-increasing number of stray dogs within school compounds because they dirty the place and can be dangerous for the students.
2. The dogs wander about late at night between 2.00 and 3.00 in the morning and they destroy many things including sandals and shoes and they mess up the rubbish in the vicinity of the housing estate, causing a bad stench.
3. There are too many stray dogs causing rubbish to be strewn everywhere within the vicinity and making a lot of noise at night.

With regard to this, we forward the matter to you to obtain a *fatwâ* (ruling) from the Islamic point of view and so on. We also request advice on how to handle the public request without creating misunderstandings among certain parties.

Answer:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ،
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
تَبِعَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ،
اللَّهُمَّ هِدَايَةَ لِلصَّوَابِ ، وَبَعْدُ

Basically, killing animals is prohibited, except in certain cases when killing is determined or permitted by *shara'* or if there are other reasons necessitating such an action like if the creature is dangerous or harmful, either because it is by nature a dangerous animal like wild animals, for example lions

and wolves, or it is not dangerous by nature but sometimes, due to certain things, it can be dangerous and wild like ferocious dogs or mad dogs. In such cases, it is permissible to control the danger according to the situation and this includes killing them.

Stories of retribution from Allah towards those who torture animals to death can be found in *ahâdith* (prophetic traditions). For example, the story of how a woman will be tortured on the Day of Judgement for caging a cat until it died. For caging the cat without giving it food or drinks, Allah puts the woman into hell. The *hadîth* on this case has been narrated by al-Imam Muslim.

Do Not Torture Animal

Al-Imam Muslim also narrated

that Rasulullah *Šallallâhu ‘alaihi wasallam* curses those who torture animals. Allah also criticised a prophet who had ordered an anthill to be burnt simply because one ant had bitten him. Allah then sent a revelation to the said prophet, “Because of an ant’s bite, he has burnt a whole community which constantly praises Me.” The *hadîth* on this story has been narrated by al-Imam Muslim.

This is the summary of several selected incidents regarding the retribution or rebuke for those who kill or torture animals.

Al-Imam Muslim has also narrated the story of someone who gave water to a thirsty dog. In acknowledging his kindness Allah expressed gratitude and pardoned his sins. In fact, when the companions of Rasulullah asked:

وَأَنَّ لَنَا فِي هَذِهِ الْبَهَائِمِ لِأَجْرًا
فَقَالَ فِي كُلِّ كَبِدٍ رَطْبَةٌ أَجْرٌ

(رواه مسلم)

Meaning: ...Are we rewarded for loving these creatures? Rasulullah *Šallallâhu ‘alaihi wasallam* has said: “To love every living creature brings rewards.”

(*Hadîth* narrated by Muslim)

To burn creatures is prohibited, based on the *hadîth* of the Prophet *Šallallâhu ‘alaihi wasallam*:

كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَنْطَلَقَ لِحَاجَتِهِ ،
فَرَأَيْنَا حُمْرَةً مَعَهَا فَرْحَانٌ
فَأَخَذْنَا فَرْحِيهَا فَجَاءَتِ الْحُمْرَةُ
فَجَعَلَتْ تَفْرِشُ فَجَاءَ النَّبِيُّ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ :

مَنْ فَجَعَ هَذِهِ بَوْلِدَهَا ، رُدُّوا
وَلَدَهَا إِلَيْهَا ، وَرَأَى قَرِيَةَ نَمْلٍ
قَدْ حَرَّقْنَاهَا ، فَقَالَ : مَنْ حَرَّقَ
هَذِهِ ؟ قُلْنَا : نَحْنُ ، قَالَ : إِنَّهُ
لَا يَنْبَغِي أَنْ يُعَذَّبَ بِالنَّارِ إِلَّا
رَبُّ النَّارِ

(رواه ابو داود)

Meaning: We (said my father Abdullah) were in a journey with Rasulullah ﷺ. Later Rasulullah ﷺ left on an errand and we saw a kind of bird (*hummarah*). It had two of its young with it. When we took the two young birds, the *hummarah* came and flapped its wings. Rasulullah ﷺ then came and said: “Who has hurt (troubled) these young birds by (separating) them from their mother?” Then Rasulullah ﷺ saw the anthill we had burnt and he said: “Who has burnt these ants?” We replied: “We”. He said: “Verily it is not right (for anyone) to torture creatures with fire except the God of Fire (Allah).”

(*Hadith narrated by Abu Daud*)

Permissibility of Killing Certain Animal

Such are some of the stories illustrating the prohibition against killing or torturing animals except when there are specific *naṣṣ* (textual evidences) regarding the permissibility of killing certain animals or animals that pose a danger which can only be avoided if they are killed.

Among the evidences in the *ahādith*, which show that it is permissible to kill creatures, is (the one on) the killing of lizards. In fact, to kill a

lizard brings rewards. Lizards are one creature that can be killed on *halāl* or *harām* land.

According to the scholars, the reason why *shara'* (religious law) encourages the killing of a lizard is because it was part of (the group of) creatures which had blown on the fire to get it to burn the Prophet of God, Ibrahim (Abraham) *'Alaihissalam*.

In another *hadith*, the Prophet ﷺ tells us to kill snakes, crows, kites, scorpions and ferocious dogs. These creatures can be killed on *harām* land.

Differences of Opinions On Command For Killing Dogs

The issue we would like to discuss is the necessity of killing dogs.

In the *hadith* of Rasulullah ﷺ, as narrated by al-Imam al-Bukhari, Rasulullah has said:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ أَمَرَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ

(رواه البخاري)

Meaning: Verily Rasulullah commanded that dogs be killed.

And the *hadith* narrated by al-Imam Muslim, mentions:

أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ

(رواه مسلم)

Meaning: Rasulullah ﷺ commanded that dogs be killed.

However, the scholars have interpreted that:

i. There is a *rukhsah* (concessionary law) so that dogs are not killed for hunting purposes, nor are sheep dogs killed (including dogs that guard livestock).

ii. The companions of ash-Shafi'e said that the command for killing dogs refers to (is meant for) ferocious dogs (mad dogs).

iii. Scholars differ in opinion regarding the necessity to kill dogs that are not harmful:

- According to al-Qadhi Husain, Imam of al-Haramain, al-Mawardi in the chapter Buying and Selling of Dogs and an-Nawawi in the (introductory) chapter Buying and Selling from the books *Sharh al-Muhadzdzab* and *Sharh Muslim*, “It is not permissible to kill (those dogs).” According to an-Nawawi again in the chapter: The unlawful (*harām*) in *Ihrām*: “That was the *aṣāh* (more correct), opinion. Indeed, the command for killing dogs has actually been abrogated (*mansūkh*).

- Whereas ar-Rafi'e has ruled it (killing of dogs) as *makrūh* (reprehensible), in fact “*karāhah tanzīh*” (This was mentioned) in the book ar-Raudhah.

- But al-Imam ash-Shafi'e, in the book al-Umm in the chapter on Differences (of opinions) on the Price of Dogs: (Al-Imam said) “Kill dogs that are useless wherever you find them.” This is the strong (*rājih*) opinion in the book al-Muhimmât. And a useless dog should not be kept.” (Irshād as-Sârî li Sharh Ṣāhih al-Bukhari: 7/258).

والله أعلم

To be continued in the next issue

Hargai Ibumama, Berbakti Kepada Keduanya

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Bagi sama-sama memeriahkan Sambutan Awal Tahun Hijrah 1430 Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri mengadakan siri ceramah/kuliah Bersama Mufti. Ceramah/kuliah Bersama Mufti ini diadakan di Masjid Kampong Sungai Buluh pada hari Jumaat 29 Zulhijjah, 1429 bersamaan 26 Disember, 2008 selepas menunaikan sembahyang fardhu 'Isya'.

Di dalam ceramah pada malam tersebut, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan menjelaskan harga kasih sayang kepada ibu bapa tidak sama dengan harga sayang kepada benda-benda biasa lain di dunia ini.

Katanya, orang biasanya menganggap sesuatu yang berharga itu adalah sesuatu yang disayangi – sayang benar terhadap barang-barang yang berharga – tetapi sayang terhadap benda-benda berharga biasa itu ada had dan batas masa. Misalnya orang sayang kepada kereta, rumah dan seumpamanya, tetapi apabila benda-benda tersebut telah rosak atau binasa, rasa sayang itu akan habis dan lenyap. Tetapi bagi harga ibu bapa, sayang kepada ibu bapa itu adalah satu aset berharga yang tiada penghujungnya menurut



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika menyampaikan ceramah. Lebih 200 orang jemaah telah menghadiri sesi ceramah tersebut.

Islam.

Menurutnya lagi, sampai mati keduanya pun kita mesti sayang kepada mereka, kasih sayang kita itu masih berkekalan, harganya tidak akan habis dan tidak akan pernah terhakis, dan ini perlu diketahui.

“Mengapa dikatakan harga ibu bapa itu tidak akan habis-habis? Kenapa? Sebab Allah *Subhânahu wa Ta’âlâ* menyuruh kita terus menghormati mereka, bukan saja ketika mereka masih hidup bahkan ketika mereka sudah tiada,” tegas Yang Berhormat Pehin.

Menurut Yang Berhormat Pehin, tanda berbakti kepada kedua ibu bapa itu ialah dengan menjaga dan memenuhi hak-hak mereka

antaranya dengan melakukan beberapa perkara bagi mereka seperti menyembahyangkan keduanya setelah mereka meninggal, memohon (sepanjang masa) diampunkan dosa-dosa mereka dan menghubungkan serta merapatkan semula silaturrahim bagi keduanya kepada adik-beradik dan kepada kawan dan sahabat handai mereka.

Yang Berhormat Pehin menjelaskan, di sini terletaklah keindahan Islam. Ibumama mempunyai hak untuk mendapat harga, kasih sayang dan bakti daripada anak-anaknya dengan cara yang layak dan anak-anak diwajibkan terus berbakti dan menghargai ibu bapanya walaupun mereka sudah meninggal dunia.

Berangkat Menunaikan Sembahyang Sunat 'Idul Adha

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat-kerabat diraja ketika berkenan berangkat menunaikan Sembahyang Sunat 'Idul Adha di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya 'Idul Adha di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Bandar Seri Begawan pada 10 Zulhijjah 1429 Hijriah

bersamaan 8 Disember 2008 yang lalu.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat-kerabat diraja di perkarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1429 berserta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Sembahyang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim sementara khutbah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Sebelum berangkat meninggalkan dewan sembahyang, baginda bersama kerabat-kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang hadir.

Irsyad Hukum Mengenai Ibadat Korban

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan rancangan Irsyad Hukum mengenai dengan Ibadat Korban pada 29 Zulkaedah 1429 bersamaan dengan 27 November 2008 bertempat di Syuura 3, Darulifta Brunei Darussalam.

Rancangan berbentuk forum itu dirakamkan sepenuhnya oleh pihak Radio Televisyen Brunei (RTB) di hadapan kira-kira lebih 60 orang pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan akan disiarkan melalui RTB sempena 'Idul Adha.

Rancangan tersebut dipegerusikan oleh Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah, Pegawai Istinbat Kanan dan para panelnya ialah Awang Haji Mohd. Sofian bin Awang Tengah, Pegawai Penyelidik Ugama dan Awang Haji Abdul Rahman bin Pengarah Haji Mokti, Pegawai Istinbat, Jabatan Mufti Kerajaan.



Suasana ketika rancangan diadakan seterusnya dirakam penuh oleh Radio Televisyen Brunei untuk siaran sempena 'Idul Adha.

Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Darulifta' Brunei Darussalam, Spg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam
Telefon: 2235121, 2224955 Fax: 2235120

Website: www.brunet.bn/gov/mufti **E-mail:** mufti@brunet.bn / fatwa@brunet.bn dan penerbitanjmk@netkad.com.bn